

The Cagamas Vision

Cagamas is committed to promoting home ownership in Malaysia by providing financial products that make housing loans more accessible and affordable to Malaysians, especially the lower income group.

We will achieve this objective by:

- Developing the secondary mortgage market through the provision of innovative facilities and efficient service at a competitive cost to the primary home lenders.*
- Enhancing the capital market, particularly the private debt securities market, through widening and deepening the scope of securitisation.*
- Nurturing and maintaining a competent workforce of the highest integrity and professionalism.*
- Using technology to enhance productivity and efficiency.*
- Valuing our staff for their commitment and loyalty.*
- Inculcating a caring and responsible corporate culture.*

We believe that we will:

- Be acknowledged as a leader in providing financial support in the Nation's effort to meet the housing needs of the people.*
- Set the pace for the development of the market for private debt securities in the country.*
- Be acknowledged, nationwide and internationally, as the pioneer and model for mortgage-backed securitisation.*

Visi Cagamas

Cagamas adalah komited untuk menggalakkan pemilikan rumah di Malaysia dengan menyediakan produk-produk kewangan yang menjadikan pinjaman perumahan lebih mudah diperolehi serta berpatutan kepada rakyat Malaysia, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Kami akan mencapai matlamat ini dengan:

- Membangunkan pasaran gadai janji sekunder melalui penyediaan kemudahan-kemudahan berinovasi serta perkhidmatan yang cekap pada kos bersaing kepada pemberi pinjaman perumahan utama.
- Memajukan pasaran modal, terutamanya pasaran sekuriti hutang swasta, dengan memperluas serta mendalamkan skop pensekuritian.
- Memupuk serta mengekalkan tenaga kerja yang cekap dengan integriti dan profesionalisme yang tinggi.
- Menggunakan teknologi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.
- Menghargai kakitangan kami di atas komitmen dan kesetiaan mereka.
- Menanam budaya korporat yang penyayang dan bertanggungjawab.

Kami percaya bahawa kami akan:

- Diiktiraf sebagai peneraju dalam memberi sokongan kewangan sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat Malaysia.
- Menjadi pemangkin bagi pembangunan pasaran sekuriti hutang swasta negara.
- Diiktiraf dari dalam dan luar negara sebagai perintis dan model bagi pensekuritian bersandarkan gadai janji.

Kandungan

| | | | |
|-----------|---|------------|---|
| 3 | Notis Mesyuarat Agung Tahunan | 32 | Operasi |
| 5 | Penyata kepada Notis Mesyuarat Agung Tahunan | 40 | Pensekuritian Pinjaman Perumahan Kakitangan Kerajaan |
| 7 | Lembaga Pengarah | 45 | Sekuriti Hutang Cagamas |
| 8 | Profil Lembaga Pengarah | 50 | Sekuriti Secara Islam Bithaman Ajil Cagamas (BAIS) |
| 15 | Jawatankuasa Lembaga Pengarah | 54 | Penyata Urus Tadbir Korporat |
| 16 | Kemuncak Kewangan | 58 | Laporan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah |
| 18 | Pemegang Syer | 62 | Penyata Kawalan Dalaman |
| 21 | Carta Organisasi | 63 | Pengurusan Risiko |
| 22 | Ahli Pengurusan | 106 | Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 23 | Maklumat Korporat | 107 | Maklumat Perangkaan |
| 26 | Penyata Pengerusi | 116 | Penyata Kewangan Borang Proksi |

Contents

| | | | |
|-----------|--|------------|---|
| 4 | Notice of Annual General Meeting | 73 | Operations |
| 6 | Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting | 80 | Securitisation of the Government's Staff Housing Loans |
| 7 | Board of Directors | 84 | Cagamas Debt Securities |
| 8 | Profile of the Board of Directors | 90 | Cagamas Bithaman Ajil Islamic Securities (BAIS) |
| 15 | Board Committees | 94 | Statement on Corporate Governance |
| 16 | Financial Highlights | 97 | Report of the Board Audit Committee |
| 18 | Shareholders | 101 | Statement on Internal Control |
| 21 | Organisation Chart | 102 | Risk Management |
| 22 | Management Team | 106 | Occupational Safety and Health Policy |
| 23 | Corporate Information | 107 | Statistical Information |
| 68 | Chairman's Statement | 167 | Financial Statements Form of Proxy |

Sejak mula lagi dan pada setiap peringkat dalam sejarah Syarikat ini, kami sentiasa memainkan peranan yang proaktif dalam menggalakkan pemilikan rumah dengan memastikan pinjaman perumahan terus menarik dan berpatutan. Walaupun 18 tahun telah berlalu, semangat untuk mendorong impian pemilikan rumah di Malaysia masih membara. Semangat ini membentuk pendekatan, menentukan keutamaan dan mendorong keputusan dan strategi kami. Pada masa yang sama, ia memperakui visi kami sebagai Perbadanan Cagaran Malaysia. Lebih penting lagi, ia telah membuatkan begitu ramai rakyat Malaysia berbangga kerana berjaya memiliki rumah, dan mengukuhkan proses menghubungkan masyarakat. Kami terus komited dengan janji yang dibuat untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pasaran. Sebagai sebuah model yang unik, kukuh, stabil dan terjamin, kami akan terus memenuhi komitmen tersebut.



From day one and at every period and stage of our Company's history, we have always taken a proactive role in spurring home ownership by ensuring that housing loans remain attractive and affordable. 18 years on and we are still passionate about driving the Malaysian home ownership dream. Now, more than ever before. It's a passion that shapes our approach, defines our priorities and drives our decisions and strategies. Equally, it's a reaffirmation of our vision as the National Mortgage Corporation. More importantly, it has led to record numbers of Malaysians becoming proud home owners and strengthened the process of bridging society. We remain committed to our brand promise of providing quality products and services that delight markets that we serve. It's a commitment that we will continue to deliver as an unique industry model that is strong, stable and secure.

notis

mesyuarat agung tahunan

DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kelapan Belas Cagamas Berhad akan diadakan di Bilik Persidangan, Tingkat 16, Blok A, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur pada hari Isnin, 25 April 2005, pada jam 12.15 tengahari untuk melaksanakan urusan berikut:

SEBAGAI URUSAN BIASA

1. Menerima dan meluluskan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 berserta Laporan Pengarah dan Juruaudit dan Penyata dan Akuan Berkanun yang terkandung. **(Resolusi No. 1)**
2. Mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004. **(Resolusi No. 2)**
3. Meluluskan pembayaran tidak melebihi RM160,000 sebagai ganjaran Pengarah untuk dibahagikan kepada para Pengarah mengikut cara yang mereka boleh tentukan. **(Resolusi No. 3)**
4. Melantik semula para Pengarah berikut yang akan bersara menurut Artikel 19.13 dan 19.14 Tataurusan Syarikat dan, oleh sebab layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:
 - (a) Encik Mohamed Azmi Mahmood;
 - (b) Datuk Tay Ah Lek; dan
 - (c) Datuk Amirsham A. Aziz**(Resolusi No. 4)**
5. Melantik semula para Pengarah berikut yang meletak jawatan menurut Artikel 19.10 Tataurusan Syarikat dan, oleh sebab layak, menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:
 - (a) Puan Yvonne Chia;
 - (b) YM Tunku Afwida Tunku A. Malek; dan
 - (c) Encik Abdul Karim Md Lassim**(Resolusi No. 5)**
6. Melantik Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit Syarikat dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka. **(Resolusi No. 6)**
7. Melaksanakan sebarang urusan lain yang berkaitan dengan Mesyuarat Agung Tahunan di mana notis yang sewajarnya telah diberikan.

PENUTUPAN DAFTAR

ADALAH JUGA DIMAKLUMKAN bahawa Daftar Pindah Milik dan Daftar Ahli Syarikat akan ditutup mulai 16 April 2005 sehingga 24 April 2005, termasuk kedua-dua tarikh tersebut, untuk menentukan kelayakan para pemegang syer ke atas dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004. Borang pindah milik yang lengkap yang diterima oleh Setiausaha Syarikat pada atau sebelum jam 5.00 petang, 15 April 2005 akan didaftarkan sebelum kelayakan-kelayakan ke atas dividen yang dicadangkan itu ditentukan. Dividen yang dicadangkan, jika diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan tersebut, akan dibayar pada 9 Mei 2005.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah



Sarah Abdul Aziz (LS 0008763)
Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
9 April 2005

Nota:

1. Seorang ahli yang berhak menghadiri dan mengundi di Mesyuarat yang dinyatakan di atas boleh melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat.
2. Sekiranya ahli Syarikat adalah sebuah badan korporat, borang proksi mestilah dimeterai ataupun ditandatangani oleh wakil mutlaknya yang telah diberikuasa.
3. Kesemua borang proksi mestilah diserahkan kepada Pejabat Berdaftar Syarikat di Tingkat 19, Bahagian Barat, Menara Maybank, 100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur tidak lewat dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan untuk Mesyuarat berkenaan atau untuk Mesyuarat yang ditangguhkan mengikut mana yang berkenaan.

notice of annual general meeting

NOTICE IS HEREBY GIVEN that the Eighteenth Annual General Meeting of Cagamas Berhad will be held at the Conference Room, 16th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur on Monday, 25 April 2005, at 12.15 p.m. for the transaction of the following business:

AS ORDINARY BUSINESS

1. To receive and adopt the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2004, together with the Reports of the Directors and Auditors and the Statement and Statutory Declaration therein. **(Resolution No. 1)**
2. To declare a final dividend of 10 sen per share (less income tax) for the financial year ended 31 December 2004. **(Resolution No. 2)**
3. To approve the payment of a maximum of RM160,000 as Directors' remuneration to be divided amongst the Directors in such manner as the Directors may determine. **(Resolution No. 3)**
4. To re-elect the following Directors who are retiring pursuant to Articles 19.13 and 19.14 of the Articles of Association of the Company and being eligible, offer themselves for re-election:
 - (a) Encik Mohamed Azmi Mahmood;
 - (b) Datuk Tay Ah Lek; and
 - (c) Datuk Amirsham A. Aziz**(Resolution No. 4)**
5. To re-elect the following Directors who vacate office pursuant to Article 19.10 of the Articles of Association of the Company and being eligible, offer themselves for re-election:
 - (a) Puan Yvonne Chia;
 - (b) YM Tunku Afwida Tunku A. Malek; and
 - (c) Encik Abdul Karim Md Lassim**(Resolution No. 5)**
6. To appoint Messrs. PricewaterhouseCoopers as Auditors of the Company and to authorise the Board of Directors to fix their remuneration. **(Resolution No. 6)**
7. To transact any other business of the Annual General Meeting of which due notice shall have been given.

CLOSURE OF REGISTERS

NOTICE IS ALSO HEREBY GIVEN that the Register of Transfers and the Register of Members will be closed from 16 April 2005 to 24 April 2005, both dates inclusive, for the purpose of determining shareholders' entitlement to the final dividend for the financial year ended 31 December 2004. Duly completed transfers received by the Company Secretary on or before 5.00 p.m. on 15 April 2005 will be registered before entitlement to the proposed dividend is determined. The proposed dividend, if approved at the Annual General Meeting, will be paid on 9 May 2005.

By Order of the Board



Sarah Abdul Aziz (LS 0008763)
Company Secretary

Kuala Lumpur
9 April 2005

Notes:

1. A member entitled to attend and vote at the Meeting may appoint a proxy to attend and vote on his behalf. A proxy need not be a member of the Company.
2. In the case where a member is a corporation, this Form of Proxy must be executed under its common seal or under the hand of its attorney.
3. All Forms of Proxy must be duly executed and deposited at the Registered Office of the Company at 19th Floor, West Wing, Menara Maybank, 100, Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur not less than 48 hours before the time appointed for holding the Meeting or adjourned meeting as the case may be.

penyata

kepada notis mesyuarat agung tahunan

1. Butir-butir para Pengarah yang menawarkan diri untuk dilantik semula seperti dalam Agenda 4 dan 5 Notis Mesyuarat Agung Tahunan dibentangkan di muka surat 8 ke 14 dalam Laporan Tahunan ini.
2. Butir-butir kehadiran di mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 adalah seperti berikut:

| Nama Pengarah | Tarikh Pelantikan | Jumlah Mesyuarat Yang Dihadiri |
|--------------------------------|-------------------|--------------------------------|
| Dato' Ooi Sang Kuang | 4 Julai 2002 | 8/8 |
| Tan Sri Dato' Azman Hashim | 28 Februari 1987 | 5/8 |
| Datuk Tay Ah Lek | 28 Februari 1987 | 5/8 |
| Dato' Tan Teong Hean | 28 Februari 1987 | 5/8 |
| Datuk Amirsham A. Aziz | 12 Julai 1994 | 3/8 |
| Encik Mohamed Azmi Mahmood | 7 Julai 1999 | 3/8 |
| Dato' Mohd Razif Abdul Kadir | 27 Februari 2001 | 7/8 |
| Dato' Albert Yeoh Beow Tit | 16 September 2003 | 7/8 |
| Encik Zarir Jal Cama | 16 September 2003 | 6/8 |
| Encik Shayne Keith Nelson | 29 Oktober 2003 | 7/8 |
| Puan Yvonne Chia | 21 Mei 2004 | 2/5 |
| YM Tunku Afwida Tunku A. Malek | 4 Januari 2005 | – |
| Encik Abdul Karim Md Lassim | 14 Februari 2005 | – |

3. Butir-butir tarikh, masa dan tempat mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 adalah seperti berikut:

| Tarikh | Masa | Tempat |
|-------------------|-------------|---|
| 30 Januari 2004 | 3.30 petang | Bilik Bunga Tanjung Tingkat 18, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 26 Februari 2004 | 3.00 petang | Bilik Bunga Tanjung Tingkat 18, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 10 Mei 2004 | 10.00 pagi | Bilik Bunga Tanjung Tingkat 18, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 15 Julai 2004 | 3.30 petang | Bilik Bunga Raya Tingkat 18, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 6 Ogos 2004 | 4.30 petang | Bilik Bunga Raya Tingkat 18, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 16 September 2004 | 5.30 petang | Bilik Bunga Raya Tingkat 18, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 21 September 2004 | 10.00 pagi | Bilik Bunga Raya Tingkat 18, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 13 Disember 2004 | 3.00 petang | Bilik Bunga Tanjung Tingkat 18, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |

statement

accompanying notice of annual general meeting

1. Details of Directors seeking re-election as in Agenda Items 4 and 5 of the Notice of Annual General Meeting are set out in the Profile of the Board of Directors on pages 8 to 14 of this Annual Report.
2. Details of attendance by Directors at Board of Directors' meetings held during the financial year ended 31 December 2004 are as follows:

| Name of Director | Date of Appointment | No. of Meetings Attended |
|--------------------------------|---------------------|--------------------------|
| Dato' Ooi Sang Kuang | 4 July 2002 | 8/8 |
| Tan Sri Dato' Azman Hashim | 28 February 1987 | 5/8 |
| Datuk Tay Ah Lek | 28 February 1987 | 5/8 |
| Dato' Tan Teong Hean | 28 February 1987 | 5/8 |
| Datuk Amirsham A. Aziz | 12 July 1994 | 3/8 |
| Encik Mohamed Azmi Mahmood | 7 July 1999 | 3/8 |
| Dato' Mohd Razif Abdul Kadir | 27 February 2001 | 7/8 |
| Dato' Albert Yeoh Beow Tit | 16 September 2003 | 7/8 |
| Encik Zarir Jal Cama | 16 September 2003 | 6/8 |
| Encik Shayne Keith Nelson | 29 October 2003 | 7/8 |
| Puan Yvonne Chia | 21 May 2004 | 2/5 |
| YM Tunku Afwida Tunku A. Malek | 4 January 2005 | – |
| Encik Abdul Karim Md Lassim | 14 February 2005 | – |

3. Details of date, time and place of Board meetings held during the financial year ended 31 December 2004 are as follows:

| Date | Time | Place |
|-------------------|------------|---|
| 30 January 2004 | 3.30 p.m. | Bilik Bunga Tanjung 18th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 26 February 2004 | 3.00 p.m. | Bilik Bunga Tanjung 18th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 10 May 2004 | 10.00 a.m. | Bilik Bunga Tanjung 18th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 15 July 2004 | 3.30 p.m. | Bilik Bunga Raya 18th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 6 August 2004 | 4.30 p.m. | Bilik Bunga Raya 18th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 16 September 2004 | 5.30 p.m. | Bilik Bunga Raya 18th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 21 September 2004 | 10.00 a.m. | Bilik Bunga Raya 18th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |
| 13 December 2004 | 3.00 p.m. | Bilik Bunga Tanjung 18th Floor, Block A, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur |

lembaga

pengarah
board of directors

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH CHAIRMAN OF THE BOARD

Dato' Ooi Sang Kuang

PENGARAH DIRECTORS

Tan Sri Dato' Azman Hashim

Datuk Tay Ah Lek

Dato' Tan Teong Hean

Datuk Amirsham A. Aziz

Encik Mohamed Azmi Mahmood

Dato' Mohd Razif Abdul Kadir

Dato' Albert Yeoh Beow Tit

Encik Zarir Jal Cama

Encik Shayne Keith Nelson

Puan Yvonne Chia

(dilantik/appointed : 21 May 2004)

YM Tunku Afwida Tunku A. Malek

(dilantik/appointed : 4 January 2005)

Encik Abdul Karim Md Lassim

(dilantik/appointed : 14 February 2005)

Dato' Wan Ismail Abdul Rahman

(meletak jawatan/resigned : 5 August 2004)

Encik Md Agil Mohd Natt

(meletak jawatan/resigned : 4 September 2004)

Dr. Rozali Mohamed Ali

(meletak jawatan/resigned : 15 December 2004)

profil

lembaga pengarah

*profile of
the board of
directors*



Dato' Ooi Sang Kuang

Dato' Ooi Sang Kuang, warganegara Malaysia, berusia 57 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 4 Julai 2002 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau menyandang jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah sejak bulan Oktober 2002. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah.

Dato' Ooi ialah Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Sastera (Kewangan Pembangunan) dari Boston University, USA. Dato' Ooi menyertai Jabatan Ekonomi BNM pada tahun 1971 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam jabatan tersebut sebelum menyertai sektor swasta pada tahun 1984. Dato' Ooi telah memegang beberapa jawatan kanan dalam sektor kewangan. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Visia Finance sebelum menyertai Standard Chartered Bank, Singapura sebagai Ketua Ahli Ekonomi bagi rantau Asia Pasifik. Dato' Ooi terlibat dalam beberapa inisiatif bank dan ialah ahli ALCO bagi Singapura dan rantau Asia Tenggara. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Warburg Asset Management Pte. Ltd., Singapura pada tahun 1994. Sebelum menyertai BNM sebagai Timbalan Gabenor pada tahun 2002, Dato' Ooi bekerja dengan Kumpulan RHB sebagai Pengarah Urusan dan Pengarah Penyelidikan Kawasan bagi RHB Research Institute, dan ialah ahli Lembaga Pengarah Rashid Hussain Berhad dan RHB Sakura Merchant Bankers Berhad.

Dato' Ooi ialah Pengarah BNM dan ahli Lembaga Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN.

Dato' Ooi menghadiri kesemua lapan mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Dato' Ooi Sang Kuang, Malaysian, aged 57, was appointed to the Board of Directors on 4 July 2002 as a Non-Executive Director. In October 2002, he assumed the position as Chairman of the Company. He is also the Chairman of the Company's Board Executive Committee.

Dato' Ooi is the Deputy Governor of Bank Negara Malaysia (BNM). He received a Bachelor of Economics (Hons) degree from University of Malaya and Master of Arts (Development Finance) from Boston University, USA. Dato' Ooi joined the Economics Department of BNM in 1971 and held various senior positions in the Department before leaving in 1984 to join the private sector. Dato' Ooi held a number of senior positions across the financial services sector. He was Chief Executive Officer of Visia Finance and then joined Standard Chartered Bank, Singapore as Chief Economist, Asia-Pacific region. Dato' Ooi was involved in several regional initiatives of the bank and was a member of the Singapore and South East Asia regional ALCO. In 1994, he was appointed Managing Director of Warburg Asset Management Pte. Ltd., Singapore. Prior to joining BNM as Deputy Governor in 2002, Dato' Ooi was with the RHB Group covering regional equities as Managing Director and Regional Research Director of RHB Research Institute, and was a member of the Board of Directors of Rashid Hussain Berhad and RHB Sakura Merchant Bankers Berhad.

Dato' Ooi is a Director of BNM and a Board member of the SEACEN Research and Training Centre.

Dato' Ooi attended all eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Tan Sri Dato' Azman Hashim

Tan Sri Dato' Azman Hashim, warganegara Malaysia, berusia 65 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 28 Februari 1987 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Tan Sri Dato' Azman ialah Pengerusi Kumpulan AmBank dan Pengerusi Eksekutif Arab-Malaysian Corporation Berhad. Beliau telah berkecimpung dalam industri perbankan semenjak tahun 1960 apabila beliau menyertai Bank Negara Malaysia setelah diiktiraf sebagai Akauntan Bertauliah. Beliau bekerja sebagai Akauntan Bertauliah di Azman Wong Salleh & Co. dari tahun 1964 hingga 1971. Beliau juga ialah Ahli Utama Institute of Chartered Secretaries and Administrators dan Institut Bank-bank Malaysia. Beliau menyertai Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad pada tahun 1966 dan telah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif dari tahun 1971 hingga 1980. Dari tahun 1980 hingga 1982, beliau telah berkhidmat sebagai Pengerusi Eksekutif Kwong Yik Bank Berhad (sekarang dikenali sebagai RHB Bank Berhad). Tan Sri Dato' Azman juga ialah Pengerusi kepada syarikat awam lain termasuk AMDB Berhad, RCE Capital Berhad, Malaysian South-South Corporation Berhad, MCM Technologies Berhad, AMFB Holdings Berhad, Arab-Malaysian Credit Berhad, AMMB Holdings Berhad, AmAssurance Berhad, Pembangunan MasMelayu Berhad, AmProperty Trust Management Berhad dan AmInvestment Group Berhad. Selain itu, beliau juga ialah Pengerusi Persatuan Bank Saudagar Malaysia.

Tan Sri Dato' Azman menghadiri lima daripada lapan mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Tan Sri Dato' Azman Hashim, Malaysian, aged 65, was appointed to the Board of Directors on 28 February 1987 as a Non-Executive Director. He is also Chairman of the Company's Board Staff Compensation and Organisation Committee.

Tan Sri Dato' Azman is Chairman of the AmBank Group and Executive Chairman of Arab-Malaysian Corporation Berhad. He has been involved in banking since he joined Bank Negara Malaysia in 1960, having qualified as a Chartered Accountant. He practised as a Chartered Accountant in Azman Wong Salleh & Co. from 1964 to 1971. He is also a Fellow of the Institute of Chartered Secretaries and Administrators and the Institute of Bankers Malaysia. He joined the Board of Malayan Banking Berhad in 1966 and was its Executive Director from 1971 until 1980. From 1980 until 1982, he was the Executive Chairman of Kwong Yik Bank Berhad (now known as RHB Bank Berhad). Tan Sri Dato' Azman is also the Chairman of other public companies including AMDB Berhad, RCE Capital Berhad, Malaysian South-South Corporation Berhad, MCM Technologies Berhad, AMFB Holdings Berhad, Arab-Malaysian Credit Berhad, AMMB Holdings Berhad, AmAssurance Berhad, Pembangunan MasMelayu Berhad, AmProperty Trust Management Berhad and AmInvestment Group Berhad. In addition, he is also the Chairman of the Association of Merchant Banks in Malaysia.

Tan Sri Dato' Azman attended five out of eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Datuk Tay Ah Lek

Datuk Tay Ah Lek, warganegara Malaysia, berusia 62 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 28 Februari 1987 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah.

Datuk Tay ialah Pengarah Urusan Public Bank Berhad. Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Henley, United Kingdom dan telah mengikuti Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School. Beliau ialah Ahli Utama Australasian Institute of Banking and Finance dan Institut Bank-bank Malaysia. Beliau menyertai Kumpulan Public Bank sebagai kakitangan perintis pada tahun 1966 dan mempunyai lebih dari 40 tahun pengalaman dalam industri perbankan dan kewangan. Beliau ialah Timbalan Presiden Eksekutif Public Finance dan Pengarah Eksekutif Public Bank sebelum memegang jawatan sekarang. Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain dalam Kumpulan Public Bank termasuk Public Bank Berhad, Public Merchant Bank Berhad dan Public Mutual Berhad. Beliau juga ialah Pengarah bagi beberapa subsidiari lain Kumpulan Public Bank. Beliau kini ialah Pengerusi Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia.

Datuk Tay menghadiri lima daripada lapan mesyuarat Lembaga yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Datuk Tay Ah Lek, Malaysian, aged 62, was appointed to the Board of Directors on 28 February 1987 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Executive Committee and Board Finance Committee.

Datuk Tay is the Managing Director of Public Bank Berhad. He holds a Masters in Business Administration from Henley, United Kingdom and attended the Advanced Management Program at Harvard Business School. He is a Fellow of the Australasian Institute of Banking and Finance and the Institute of Bankers Malaysia. He joined the Public Bank Group as a pioneer staff in 1966 and has more than 40 years of experience in the banking and finance industry. He was the Executive Vice President of Public Finance and the Executive Director of Public Bank prior to his present designation. His directorships in public companies in the Public Bank Group include Public Bank Berhad, Public Merchant Bank Berhad and Public Mutual Berhad. He is also a Director of several other subsidiaries of the Public Bank Group. He is presently the Chairman of the Association of Finance Companies of Malaysia.

Datuk Tay attended five out of eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Dato' Tan Teong Hean

Dato' Tan Teong Hean, warganegara Malaysia, berusia 61 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 28 Februari 1987 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

Dato' Tan ialah Ketua Pengarah Eksekutif Southern Bank Berhad. Lulusan Ijazah Ekonomi dari Universiti Malaya, Dato' Tan ialah Ahli Utama Institut Bank-bank Malaysia dan Ahli Utama Institut Pengarah-pengarah Malaysia. Beliau dilantik sebagai Pengarah Southern Bank Berhad pada tahun 1975 dan sebagai Ketua Pengarah Eksekutif pada tahun 1983. Beliau ialah ahli Majlis Persatuan Bank-bank Malaysia dan ahli Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia. Beliau juga ialah Pengarah Southern Finance Berhad.

Dato' Tan ialah Pengerusi Lembaga MasterCard International bagi Asia Pasifik dan Kaunselor Global kepada The Conference Board.

Beliau juga ialah Presiden Kelab Angels Kuala Lumpur, yang mempromosikan kerjasama perniagaan antara para pelabur dan pembawa pembaharuan dalam bidang Teknologi Maklumat.

Dato' Tan menghadiri lima daripada lapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Dato' Tan Teong Hean, Malaysian, aged 61, was appointed to the Board of Directors on 28 February 1987 as a Non-Executive Director. He is also the Chairman of the Company's Board Audit Committee.

Dato' Tan is the Chief Executive Director of Southern Bank Berhad. An Economics graduate from the University of Malaya, Dato' Tan is a Fellow of the Institute of Bankers Malaysia and a Fellow of the Malaysian Institute of Directors. He became a Director of Southern Bank Berhad in 1975 and in 1983, he was appointed as Chief Executive Director. He is a Council Member of the Association of Banks in Malaysia and sits on the Board of the Malaysian Institute of Economic Research. He is also a Director of Southern Finance Berhad.

Dato' Tan is the Chairman of the Asia Pacific Board of MasterCard International and a Global Counselor to The Conference Board.

He is also the President of the Kuala Lumpur Angels Club, which promotes business ventures between investors and innovators in the Information Technology field.

Dato' Tan attended five out of eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Datuk Amirsham A. Aziz

Datuk Amirsham A. Aziz, warganegara Malaysia, berusia 54 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 12 Julai 1994 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah.

Datuk Amirsham ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Malayan Banking Berhad. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1973 dan telah diiktiraf sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada tahun 1976. Beliau menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1977 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Kumpulan tersebut. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Malayan Banking Berhad pada tahun 1993. Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk Aseambankers Malaysia Berhad, Mayban Fortis Holdings Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.

Datuk Amirsham menghadiri tiga daripada lapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Datuk Amirsham A. Aziz, Malaysian, aged 54, was appointed to the Board of Directors on 12 July 1994 as a Non-Executive Director. He is also the Chairman of the Company's Board Finance Committee.

Datuk Amirsham is the President and Chief Executive Officer of Malayan Banking Berhad. He graduated with a Bachelor of Economics (Hons) degree from University of Malaya in 1973 and in 1976, qualified as a Certified Public Accountant. He joined the Maybank Group in 1977 and has held various senior positions within the Group. He was appointed as the Executive Director of Malayan Banking Berhad in 1993. His other directorships in public companies include Aseambankers Malaysia Berhad, Mayban Fortis Holdings Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad and Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.

Datuk Amirsham attended three out of eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Encik Mohamed Azmi Mahmood

Encik Mohamed Azmi Mahmood, warganegara Malaysia, berusia 50 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 7 Julai 1999 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah.

Encik Mohamed Azmi ialah Pengarah Urusan AmFinance Berhad. Beliau ialah Ahli Utama Institut Bank-bank Malaysia dan juga Ahli Majlis dan Jawatankuasa Institut tersebut. Beliau menyertai Arab-Malaysian Finance Berhad (AMFB) (sekarang dikenali sebagai AmFinance Berhad) pada tahun 1981 sebagai seorang Akauntan. Beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam AMFB dan mempunyai lebih dari 24 tahun pengalaman dalam industri perbankan dan kewangan. Beliau juga ialah Pengarah AmAssurance Berhad, AmSecurities Sdn Bhd, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn Bhd dan AmBank Berhad. Beliau ialah Ahli Jawatankuasa Audit Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn Bhd dan AmAssurance Berhad. Beliau juga ialah ahli Majlis dan Bendahari Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia.

Encik Mohamed Azmi menghadiri tiga daripada lapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Encik Mohamed Azmi Mahmood, Malaysian, aged 50, was appointed to the Board of Directors on 7 July 1999 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Executive Committee and Board Finance Committee.

Encik Mohamed Azmi is the Managing Director of AmFinance Berhad. He is a Fellow of the Institute of Bankers Malaysia and also sits on the Council and Committee of the Institute. He joined Arab-Malaysian Finance Berhad (AMFB) (now known as AmFinance Berhad) in 1981 as an Accountant. He has held various senior positions within AMFB and has over 24 years' experience in the banking and finance industry. He is also a Director of AmAssurance Berhad, AmSecurities Sdn Bhd, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn Bhd and AmBank Berhad. He is an Audit Committee member of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn Bhd and AmAssurance Berhad. In addition, he is a Council Member and Treasurer of the Association of Finance Companies of Malaysia.

Encik Mohamed Azmi attended three out of eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Dato' Mohd Razif Abdul Kadir

Dato' Mohd Razif Abdul Kadir, warganegara Malaysia, berusia 52 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 27 Februari 2001 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau ialah ahli Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah.

Dato' Mohd Razif ialah Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (pengkhususan dalam Kewangan) dari Syracuse University, New York, USA. Beliau menyertai BNM pada tahun 1976 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan di BNM termasuk sebagai Ketua Perwakilan di Pejabat Perwakilan BNM di London dan Pengarah Jabatan Pengawasan Bank. Beliau ialah Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan dari tahun 1999 hingga 2001. Dato' Mohd Razif juga ialah Pengerusi Cagamas MBS Berhad.

Dato' Mohd Razif menghadiri tujuh daripada lapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Dato' Mohd Razif Abdul Kadir, Malaysian, aged 52, was appointed to the Board of Directors on 27 February 2001 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Finance Committee.

Dato' Mohd Razif is the Assistant Governor of Bank Negara Malaysia (BNM). He graduated with a Bachelor of Economics (Hons) degree from University of Malaya and obtained his Masters in Business Administration (majoring in Finance) from Syracuse University, New York, USA. He joined BNM in 1976 and since then, has held various senior positions in BNM including the positions of Chief Representative of BNM London Representative Office and Director of Bank Regulations Department. He was the Director-General of Labuan Offshore Financial Services Authority from 1999 to 2001. Dato' Mohd Razif is also the Chairman of Cagamas MBS Berhad.

Dato' Mohd Razif attended seven out of eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Dato' Albert Yeoh Beow Tit

Dato' Albert Yeoh Beow Tit, warganegara Malaysia, berusia 55 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 16 September 2003 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah.

Dato' Albert Yeoh ialah Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah OCBC Bank (Malaysia) Berhad. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pengkhususan dalam Ekonomi dan Kajian Operasi) dari Monash University, Australia pada tahun 1972 dan Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan dari University of Salford, Manchester, England pada tahun 1975. Beliau dianugerahkan Keahlian Utama Institut Bank-bank Malaysia pada bulan April 2002. Beliau menyertai OCBC Bank (Malaysia) Berhad pada bulan Mac 1996 dan telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam syarikat tersebut. Sebelum menyertai OCBC Bank (Malaysia) Berhad, beliau ialah Pengarah, Kumpulan Perbankan Korporat bagi Citibank Berhad. Beliau juga ialah Pengarah dalam syarikat awam lain termasuk Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad dan Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad.

Dato' Albert Yeoh menghadiri tujuh daripada lapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Dato' Albert Yeoh Beow Tit, Malaysian, aged 55, was appointed to the Board of Directors on 16 September 2003 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Finance Committee.

Dato' Albert Yeoh is the Chief Executive Officer and a Director of OCBC Bank (Malaysia) Berhad. He graduated with a Bachelor of Economics (Double Major in Economics and Operations Research) from Monash University, Australia in 1972 before obtaining his Master of Science in Management from the University of Salford, Manchester, England in 1975. He was conferred Fellow Membership of Institute of Bankers Malaysia by the Governor of Bank Negara Malaysia in April 2002. He joined OCBC Bank (Malaysia) Berhad in March 1996 and has held various senior positions within the company. Prior to joining OCBC Bank (Malaysia) Berhad, he was the Director - Corporate Banking Group for Citibank Berhad. His other directorships in public companies include Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad and Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad.

Dato' Albert Yeoh attended seven out of eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Encik Zarir Jal Cama

Encik Zarir Jal Cama, warganegara British, berusia 57 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 16 September 2003 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Encik Cama ialah Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Bank Malaysia Berhad. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari St. Stephen's College di Delhi, India pada tahun 1967. Beliau menyertai Kumpulan HSBC pada tahun 1968 dan telah menjawat pelbagai jawatan dalam operasi Kumpulan di London, India, Arab Saudi dan Hong Kong. Beliau telah dilantik menjadi Pengurus Besar Kumpulan bagi HSBC Holdings plc pada bulan Ogos 2001 dan dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC Bank Malaysia pada bulan November 2002. Beliau juga ialah Pengarah Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, ahli Jawatankuasa Am Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI), dan ahli Lembaga Amanah WWF-Malaysia.

Encik Cama menghadiri enam daripada lapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Encik Zarir Jal Cama, British, aged 57, was appointed to the Board of Directors on 16 September 2003 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Audit Committee and the Board Staff Compensation and Organisation Committee.

Encik Cama is the Deputy Chairman and Chief Executive Officer of HSBC Bank Malaysia Berhad. He graduated with a Bachelor of Arts (Hons) degree from St. Stephen's College in Delhi, India in 1967. He joined the HSBC Group in 1968 and has worked in various capacities in the Group's operations in London, India, Saudi Arabia and Hong Kong. He was made a Group General Manager of HSBC Holdings plc in August 2001 and appointed Deputy Chairman and Chief Executive Officer of HSBC Malaysia in November 2002. He is also a Director of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. He is on the General Committee of the Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) and a member of WWF-Malaysia Board of Trustees.

Encik Cama attended six out of eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Encik Shayne Keith Nelson

Encik Shayne Keith Nelson, warganegara Australia, berusia 45 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 29 Oktober 2003 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah Pengerusi Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Encik Nelson ialah Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan Standard Chartered Bank Malaysia Berhad. Beliau ialah lepasan dari Australian Institute of Company Directors dan Ahli Utama Australian Institute of Managers. Beliau mempunyai lebih dari 25 tahun pengalaman yang kukuh dan luas dalam industri perbankan. Beliau menyertai Standard Chartered pada tahun 1997 sebagai Ketua Wilayah bagi Audit, Perbankan Korporat dan Institusi di Asia Pasifik dan India. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Wilayah bagi Kredit untuk Hong Kong, China dan Timur Laut Asia sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko bagi Wholesale Bank, iaitu jawatan global yang merangkumi 50 negara dalam rangkaian Standard Chartered. Sepanjang tempoh kerjaya beliau, beliau telah memegang pelbagai jawatan yang mencabar dalam dua bank utama di Australia iaitu Westpac Banking Corporation dan National Australia Bank.

Encik Nelson menghadiri tujuh daripada lapan mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan pada sepanjang tahun kewangan. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Encik Shayne Keith Nelson, Australian, aged 45, was appointed to the Board of Directors on 29 October 2003 as a Non-Executive Director. He is also the Chairman of the Company's Board Risk Committee.

Encik Nelson is the Chief Executive Officer and Managing Director of Standard Chartered Bank Malaysia Berhad. He is a graduate of the Australian Institute of Company Directors as well as an Associate Fellow of the Australian Institute of Managers. He brings with him over 25 years of solid and wide ranging experience in the banking industry. He joined Standard Chartered in 1997 as Regional Head of Audit, Corporate & Institutional Banking covering Asia Pacific and India. He was then appointed the Regional Head of Credit for Hong Kong, China and North East Asia before being appointed Chief Risk Officer for Wholesale Bank, which is a global position covering over 50 countries within the Standard Chartered network. Throughout his career, he has held numerous challenging positions in two of Australia's major banks, Westpac Banking Corporation and the National Australia Bank.

Encik Nelson attended seven out of eight Board meetings held during the financial year. He has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Puan Yvonne Chia

Puan Yvonne Chia, warganegara Malaysia, berusia 51 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 21 Mei 2004 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Puan Chia ialah Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif Hong Leong Bank Berhad. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya pada tahun 1976. Beliau memulakan kerjaya perbankan di Bank of America, dengan memegang pelbagai jawatan di Hong Kong, Manila dan Kuala Lumpur. Sebelum menyertai Hong Leong Bank Berhad, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan RHB Bank Berhad. Beliau dianugerahkan Keahlian Utama Institut Bank-bank Malaysia pada bulan April 2002 dan ialah seorang Certified Risk Professional (CRP) dengan Bank Administration Institute (BAI). Beliau juga ialah Pengarah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Puan Chia telah menghadiri dua daripada lima mesyuarat Lembaga yang telah diadakan semenjak pelantikan beliau. Beliau tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Puan Yvonne Chia, Malaysian, aged 51, was appointed to the Board of Directors on 21 May 2004 as a Non-Executive Director. She is also a member of the Company's Board Risk Committee.

Puan Chia is the Group Managing Director/Chief Executive Officer of Hong Leong Bank Berhad. She graduated from the University of Malaya with a Bachelor of Economics degree in 1976. She started her career in banking with Bank of America, holding various positions in Hong Kong, Manila and Kuala Lumpur. Prior to joining Hong Leong Bank Berhad, she was the Chief Executive Officer/Managing Director of RHB Bank Berhad. She was conferred a 'Fellow' of the Institute of Bankers Malaysia by the Governor of Bank Negara Malaysia in April 2002 and is a Certified Risk Professional (CRP) with the Bank Administration Institute (BAI). Puan Chia is also a Director of Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE).

Puan Chia has attended two out of five Board meetings held since her appointment. She has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. She has not been convicted of any offence within the past 10 years.



YM Tunku Afwida Tunku A. Malek

YM Tunku Afwida Tunku A. Malek, warganegara Malaysia, berusia 39 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 4 Januari 2005 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

YM Tunku Afwida ialah Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif Malaysian International Merchant Bankers Berhad. Beliau memegang Ijazah (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari City University, London, dan diiktiraf sebagai Akauntan Bertauliah dari Institute of Chartered Accountants in England & Wales.

Sebelum menyertai Malaysian International Merchant Bankers Berhad, beliau ialah Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Pelaburan Commerce Asset Fund Managers Sdn Bhd (CAFM). Beliau juga pernah menyertai Touche Ross & Co di United Kingdom, Rashid Hussain Asset Management di Kuala Lumpur dan UOB Asset Management di Singapura.

YM Tunku Afwida tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

YM Tunku Afwida Tunku A. Malek, Malaysian, aged 39, was appointed to the Board of Directors on 4 January 2005 as a Non-Executive Director. She is also a member of the Company's Board Audit Committee.

YM Tunku Afwida is the Chief Executive Officer/Executive Director of Malaysian International Merchant Bankers Berhad. She holds an honours degree in Economics and Accounting from the City University, London. YM Tunku Afwida is a Qualified Chartered Accountant of the Institute of Chartered Accountants in England & Wales.

Prior to joining Malaysian International Merchant Bankers Berhad, YM Tunku Afwida was the Executive Director and Chief Investment Officer of Commerce Asset Fund Managers Sdn Bhd (CAFM). She was also once attached to Touche Ross & Co in the United Kingdom, Rashid Hussain Asset Management in Kuala Lumpur and UOB Asset Management in Singapore.

YM Tunku Afwida has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. She has not been convicted of any offence within the past 10 years.



Encik Abdul Karim Md Lassim

Encik Abdul Karim Md Lassim, warganegara Malaysia, berusia 44 tahun, telah dilantik menyertai Lembaga Pengarah pada 14 Februari 2005 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif. Beliau juga ialah ahli Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah.

Encik Abdul Karim ialah Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Southern Finance Berhad. Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Keele University, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dengan pengkhususan dalam Analisis Ekonomi dan Dasar Awam dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Encik Abdul Karim menyertai Southern Finance Berhad (sebelumnya dikenali sebagai United Merchant Finance Berhad) pada tahun 2001 sebagai Pengurus Besar, Operasi setelah berkhidmat selama 12 tahun di Mayban Finance Berhad.

Encik Abdul Karim tidak mempunyai hubungan keluarga dengan Pengarah lain dan/atau pemegang syer penting Cagamas Berhad. Beliau tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Encik Abdul Karim Md Lassim, Malaysian, aged 44, was appointed to the Board of Directors on 14 February 2005 as a Non-Executive Director. He is also a member of the Company's Board Staff Compensation and Organisation Committee and Board Risk Committee.

Encik Abdul Karim is the Chief Executive Officer and Director of Southern Finance Berhad. He holds a Masters in Business Administration from Keele University, United Kingdom and a Degree in Economics (Hons) majoring in Economic Analysis and Public Policy from Universiti Kebangsaan Malaysia.

Encik Abdul Karim joined Southern Finance Berhad (formerly known as United Merchant Finance Berhad) in 2001 as General Manager, Operations after 12 years with Mayban Finance Berhad.

Encik Abdul Karim has no family relationship with any Director and/or major shareholder of Cagamas Berhad. He has not been convicted of any offence within the past 10 years.

jawatankuasa lembaga pengarah *board committees*

Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang dianggotai oleh mereka yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dan wakil-wakil daripada Bank Negara Malaysia, Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia dan Persatuan Bank-bank Saudagar dalam Malaysia, adalah bertanggungjawab untuk merumus dasar am Syarikat. Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh tiga orang Pengarah telah ditubuhkan untuk membuat keputusan bagi pihak Lembaga Pengarah sewaktu ia tidak bersidang. Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lain terdiri daripada Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah yang mengkaji dan merumus dasar-dasar berkaitan dengan operasi perniagaan Syarikat, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah yang mengkaji pampasan dan faedah untuk kakitangan serta rancangan organisasi dan sumber tenaga manusia, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang mengkaji audit yang dibuat ke atas Syarikat ini oleh juruaudit luar di samping keberkesanan tatacara kewangan dan kawalan dalaman dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah yang menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi dan kegiatan Syarikat.

The Board of Directors of Cagamas Berhad, comprising appointees of the Board and nominees of Bank Negara Malaysia, The Association of Banks in Malaysia, the Association of Finance Companies of Malaysia and the Association of Merchant Banks in Malaysia, is responsible for the formulation of the Company's general policies. For the purpose of decision-making between Board meetings, a Board Executive Committee comprising three Directors acts on behalf of the Board. The other Committees of the Board are the Board Finance Committee which reviews and develops policies for the Company's business operations, the Board Staff Compensation and Organisation Committee which reviews the compensation and benefits for staff as well as organisation and manpower planning, the Board Audit Committee which reviews the audit of the Company by the external auditor as well as the effectiveness of the financial and internal control procedures and the Board Risk Committee which oversees the management of risk associated with the Company's operations.

AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF LEMBAGA PENGARAH/ MEMBERS OF THE BOARD EXECUTIVE COMMITTEE

- Dato' Ooi Sang Kuang
(Pengerusi/Chairman)
- Datuk Tay Ah Lek
- Encik Mohamed Azmi Mahmood

AHLI JAWATANKUASA KEWANGAN LEMBAGA PENGARAH/ MEMBERS OF THE BOARD FINANCE COMMITTEE

- Datuk Amirsham A. Aziz
(Pengerusi/Chairman)
- Datuk Tay Ah Lek
- Encik Mohamed Azmi Mahmood
- Dato' Mohd Razif Abdul Kadir
- Dato' Albert Yeoh Beow Tit

AHLI JAWATANKUASA PAMPASAN KAKITANGAN DAN ORGANISASI LEMBAGA PENGARAH/ MEMBERS OF THE BOARD STAFF COMPENSATION AND ORGANISATION COMMITTEE

- Tan Sri Dato' Azman Hashim
(Pengerusi/Chairman)
- Encik Zarir Jal Cama
- Encik Abdul Karim Md Lassim

AHLI JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH/ MEMBERS OF THE BOARD AUDIT COMMITTEE

- Dato' Tan Teong Hean
(Pengerusi/Chairman)
- Encik Zarir Jal Cama
- YM Tunku Afwida Tunku A. Malek

AHLI JAWATANKUASA RISIKO LEMBAGA PENGARAH/ MEMBERS OF THE BOARD RISK COMMITTEE

- Encik Shayne Keith Nelson
(Pengerusi/Chairman)
- Puan Yvonne Chia
- Encik Abdul Karim Md Lassim

kemuncak

kewangan

financial highlights

HASIL (RM JUTA)

REVENUE (RM MILLION)

| | 1995 | 1996 | 1997 | 1998 | 1999 | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | 2004 |
|---|-------|-------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|
| Hasil Kendalian Kasar Gross Operating Revenue | 739.1 | 997.9 | 1,394.6 | 1,884.2 | 1,465.6 | 1,298.8 | 1,145.8 | 1,181.8 | 1,117.0 | 1,197.1 |
| Untung Sebelum Cukai dan Zakat Profit Before Tax and Zakat | 108.4 | 131.0 | 173.8 | 240.2 | 220.4 | 197.9 | 165.1 | 207.5 | 192.5 | 183.3 |
| Untung Selepas Cukai dan Zakat Profit After Tax and Zakat | 75.7 | 91.5 | 124.6 | 172.8 | 220.3 | 141.7 | 118.4 | 150.1 | 138.3 | 131.3 |
| Dividen Selepas Cukai Dividend After Tax | 11.2 | 11.2 | 17.2 | 14.4 | 20.0 | 23.8 | 21.6 | 166.5 | 16.2 | 16.2 |

KUNCI KIRA-KIRA (RM JUTA)

BALANCE SHEET (RM MILLION)

| | | | | | | | | | | |
|---|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|
| Pinjaman Gadai Janji Mortgage Loans | 11,853.8 | 16,085.9 | 21,960.4 | 22,124.8 | 18,360.3 | 18,353.6 | 15,685.7 | 14,816.8 | 15,195.6 | 13,565.0 |
| Hutang Sewa Beli dan Pemajakan Hire Purchase and Leasing Debts | – | – | – | 200.0 | 1,659.4 | 3,843.9 | 6,437.1 | 10,513.3 | 11,235.8 | 11,732.2 |
| Hutang Pembiayaan Secara Islam Islamic Financing Debts | 28.1 | 55.7 | 84.7 | 150.7 | 120.4 | 213.0 | 142.9 | 703.4 | 907.7 | 2,211.2 |
| Jumlah Aset Total Assets | 12,054.9 | 16,303.2 | 22,221.4 | 22,654.7 | 20,424.1 | 22,692.4 | 22,811.7 | 26,383.1 | 27,853.1 | 28,283.3 |
| Sekuriti Hutang Debt Securities | 11,289.6 | 15,698.5 | 21,343.6 | 21,197.3 | 19,370.0 | 21,442.0 | 21,516.5 | 24,940.2 | 26,433.2 | 26,737.4 |
| Modal Berbayar Paid-up Capital | 80.0 | 80.0 | 80.0 | 100.0 | 100.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 | 150.0 |
| Rizab Reserves | 184.1 | 264.2 | 371.6 | 510.0 | 710.3 | 796.6 | 885.8 | 1,014.3 | 986.1 | 1,106.5 |
| Dana Pemegang Syer Shareholders' Funds | 264.1 | 344.2 | 451.6 | 610.0 | 810.3 | 946.6 | 1,035.8 | 1,164.3 | 1,136.1 | 1,256.5 |

Termasuk dividen kasar akhir yang dicadangkan sebanyak 10 sen sesyer (tolak cukai pendapatan) berjumlah RM10,800,000 bergantung kepada kelulusan para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat / Includes the proposed final gross dividend of 10 sen per share, less income tax, amounting to RM10,800,000 subject to shareholders' approval at the Annual General Meeting of the Company.



**SESYER (SEN)
PER SHARE (SEN)**



| | 1995 | 1996 | 1997 | 1998 | 1999 | 2000 | 2001 | 2002 | 2003 | 2004 |
|---|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------------------|
| Perolehan * Earnings * | 50.5 | 61.0 | 83.1 | 115.2 | 146.8 | 94.5 | 78.9 | 100.0 | 92.2 | 87.5 |
| Aset Ketara Bersih * Net Tangible Assets * | 176.1 | 229.5 | 301.1 | 406.7 | 540.2 | 631.1 | 690.5 | 776.2 | 757.4 | 837.7 |
| Dividen Kasar Gross Dividend | 20.0 | 20.0 | 30.0 | 20.0 | 20.0 | 22.0 | 20.0 | 118.0 | 15.0 | 15.0 [#] |

**NISBAH KEWANGAN
FINANCIAL RATIOS**

| | | | | | | | | | | |
|--|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------------------|
| Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) Pre-tax Return on Average Shareholders' Funds (%) | 46.7 | 43.1 | 43.7 | 45.2 | 31.0 | 22.5 | 16.7 | 18.9 | 17.4 | 15.3 |
| Pulangan Selepas Cukai atas Purata Dana Pemegang Syer (%) After-tax Return on Average Shareholders' Funds (%) | 32.6 | 30.1 | 31.3 | 32.5 | 31.0 | 16.1 | 11.9 | 13.6 | 12.0 | 11.0 |
| Pulangan Sebelum Cukai atas Purata Jumlah Aset (%) Pre-tax Return on Average Total Assets (%) | 0.98 | 0.92 | 0.90 | 1.07 | 1.02 | 0.92 | 0.73 | 0.84 | 0.71 | 0.65 |
| Pulangan Selepas Cukai atas Purata Jumlah Aset (%) After-tax Return on Average Total Assets (%) | 0.68 | 0.65 | 0.65 | 0.77 | 1.02 | 0.66 | 0.52 | 0.61 | 0.52 | 0.47 |
| Lindungan Dividen (kali) Dividend Cover (times) | 6.8 | 8.2 | 7.2 | 12.0 | 11.0 | 6.0 | 5.5 | 0.9 | 8.5 | 8.1 [#] |
| Nisbah Modal Berwajaran Risiko (%) Risk-Weighted Capital Ratio (%) | - | - | 10.7 | 14.6 | 22.2 | 22.4 | 24.2 | 22.3 | 18.9 | 20.6 |

* Berdasarkan 150 juta syer biasa RM1.00 setiap satu / Based on 150 million ordinary shares of RM1.00 each

Termasuk dividen kasar akhir yang dicadangkan sebanyak 10 sen sesyer (tolak cukai pendapatan) berjumlah RM10,800,000 bergantung kepada kelulusan para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat / Includes the proposed final gross dividend of 10 sen per share, less income tax, amounting to RM10,800,000 subject to shareholders' approval at the Annual General Meeting of the Company.



pemegang syer shareholders

STRUKTUR MODAL SYER CAGAMAS PADA 25 MAC 2005 CAGAMAS' SHARE CAPITAL STRUCTURE AS AT 25 MARCH 2005

Modal Syer dibenarkan : 500 juta syer biasa RMI setiap satu
Authorised Share Capital : 500 million ordinary shares of RMI each

Modal diterbitkan dan berbayar : 150 juta syer biasa RMI setiap satu
Issued and Paid-up Capital : 150 million ordinary shares of RMI each

STRUKTUR PEMEGANGAN SYER PADA 25 MAC 2005 SHAREHOLDING STRUCTURE AS AT 25 MARCH 2005

- Bank Negara Malaysia
Central Bank of Malaysia
- Bank Perdagangan
Commercial Banks
- Syarikat Kewangan
Finance Companies
- Bank Saudagar
Merchant Banks



| Institusi <i>Institutions</i> | % Pemegangan Syer <i>% Shareholding</i> | Bilangan Pemegang Syer No. of Shareholders | Julat % Pemegangan Syer Range of % Shareholding |
|---|--|---|--|
| Bank Negara Malaysia <i>Central Bank of Malaysia</i> | 20.0 | 1 | 20.0 |
| Bank Perdagangan <i>Commercial Banks</i> | 61.3 | 19 | 0.2 – 12.0 |
| Syarikat Kewangan <i>Finance Companies</i> | 9.7 | 7 | 0.3 – 4.0 |
| Bank Saudagar <i>Merchant Banks</i> | 9.0 | 8 | 0.3 – 4.0 |
| Jumlah <i>Total</i> | 100.0 | 35 | 0.2 – 20.0 |

ANALISIS PEMEGANGAN SYER PADA 25 MAC 2005
ANALYSIS OF SHAREHOLDINGS AS AT 25 MARCH 2005

| Saiz Pemegangan Syer <i>Size of Shareholding</i> | Bilangan Pemegang Syer <i>No. of Shareholders</i> | % Pemegang Syer <i>% of Shareholders</i> | Bilangan Syer Dipegang <i>No. of Shares Held</i> | % Modal Diterbitkan <i>% of Issued Capital</i> |
|--|---|--|--|--|
| 100,001 ke kurang dari 7,500,000 (5% daripada syer yang diterbitkan) <i>100,001 to less than 7,500,000</i> <i>(5% of issued shares)</i> | 30 | 85.7 | 65,880,000 | 43.9 |
| 7,500,000 (5%) dan lebih <i>7,500,000 (5%) and above</i> | 5 | 14.3 | 84,120,000 | 56.1 |

PEMEGANG SYER PADA 25 MAC 2005
SHAREHOLDERS AS AT 25 MARCH 2005

| Pemegang Syer <i>Shareholders</i> | Bilangan Syer <i>No. of Shares</i> | % Pemegangan Syer <i>% Shareholding</i> |
|--|--|---|
| Bank Negara Malaysia | 30,000,000 | 20.0 |
| Maybank Group | 18,861,000 | 12.5 |
| Malayan Banking Berhad | 17,361,000 | 11.5 |
| Aseambankers Malaysia Berhad | 1,500,000 | 1.0 |
| Commerce Group | 17,406,000 | 11.6 |
| Bumiputra-Commerce Bank Berhad | 15,009,000 | 10.0 |
| Bumiputra-Commerce Finance Berhad | 1,647,000 | 1.1 |
| Commerce International Merchant Bankers Berhad | 750,000 | 0.5 |
| RHB Bank Group | 13,532,400 | 9.1 |
| RHB Bank Berhad | 11,864,400 | 8.0 |
| RHB Sakura Merchant Bankers Berhad | 1,200,000 | 0.8 |
| RHB Delta Finance Berhad | 468,000 | 0.3 |
| AmBank Group | 12,066,000 | 8.1 |
| AmFinance Berhad | 5,952,000 | 4.0 |
| AmMerchant Bank Berhad | 5,889,000 | 3.9 |
| AmBank Berhad | 225,000 | 0.2 |
| Public Bank Group | 10,485,600 | 7.0 |
| Public Bank Berhad | 9,885,600 | 6.6 |
| Public Merchant Bank Berhad | 600,000 | 0.4 |
| Southern Bank Group | 7,728,000 | 5.2 |
| Southern Bank Berhad | 4,632,000 | 3.1 |
| Southern Finance Berhad | 2,646,000 | 1.8 |
| Southern Investment Bank Berhad | 450,000 | 0.3 |
| Hong Leong Bank Berhad | 6,486,000 | 4.3 |
| HSBC Bank Malaysia Berhad | 6,201,000 | 4.1 |

PEMEGANG SYER PADA 25 MAC 2005 (SAMBUNGAN)
SHAREHOLDERS AS AT 25 MARCH 2005 (CONTINUED)

| Pemegang Syer Shareholders | Bilangan Syer No. of Shares | % Pemegangan Syer % Shareholding |
|---|--|---|
| Alliance Bank Group | 5,583,000 | 3.7 |
| Alliance Bank Malaysia Berhad | 3,183,000 | 2.1 |
| Alliance Merchant Bank Berhad | 2,400,000 | 1.6 |
| Affin Bank Group | 4,410,000 | 2.9 |
| Affin Bank Berhad | 2,403,000 | 1.6 |
| Affin-ACF Finance Berhad | 1,257,000 | 0.8 |
| Affin Merchant Bank Berhad | 750,000 | 0.5 |
| EON Bank Group | 2,472,000 | 1.6 |
| EON Bank Berhad | 1,683,000 | 1.1 |
| EON Finance Berhad | 789,000 | 0.5 |
| Standard Chartered Bank Malaysia Berhad | 4,590,000 | 3.1 |
| United Overseas Bank (Malaysia) Berhad | 3,330,000 | 2.2 |
| OCBC Bank (Malaysia) Berhad | 2,997,000 | 2.0 |
| Kewangan Bersatu Berhad | 1,818,000 | 1.2 |
| Bank of Tokyo-Mitsubishi (Malaysia) Berhad | 738,000 | 0.5 |
| Bangkok Bank Berhad | 369,000 | 0.3 |
| The Bank of Nova Scotia Berhad | 327,000 | 0.2 |
| ABN Amro Bank Berhad | 300,000 | 0.2 |
| Deutsche Bank (Malaysia) Berhad | 300,000 | 0.2 |

SENARAI KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SYER PADA 25 MAC 2005
LIST OF DIRECTORS' INTEREST IN SHARES AS AT 25 MARCH 2005

| Nama Name | Kepentingan dianggap / Deemed interest Syer Biasa RM1 setiap satu Ordinary Shares of RM1 each | |
|---|--|----------|
| | No. | % |
| Tan Sri Dato' Azman Hashim ¹ | 12,066,000 | 8.1 |
| Dato' Tan Teong Hean ² | 7,728,000 | 5.2 |


1. Kepentingan dianggap mengikut Seksyen 6A Akta Syarikat, 1965 kerana kepentingan beliau melalui Arab-Malaysian Corporation Berhad, AMDB Equipment Trading Sdn Bhd, Azman Hashim Holdings Sdn Bhd, Slan Sdn Bhd dan Ginagini Sdn Bhd dalam AMMB Holdings Berhad, yang mempunyai kepentingan di dalam AmMerchant Bank Berhad, AmFinance Berhad dan AmBank Berhad.

Deemed interest pursuant to Section 6A of the Companies Act, 1965 by virtue of his interest held through Arab-Malaysian Corporation Berhad, AMDB Equipment Trading Sdn Bhd, Azman Hashim Holdings Sdn Bhd, Slan Sdn Bhd and Ginagini Sdn Bhd in AMMB Holdings Berhad, which in turn has interest in AmMerchant Bank Berhad, AmFinance Berhad and AmBank Berhad.

2. Kepentingan dianggap mengikut Seksyen 6A Akta Syarikat, 1965 kerana pemegangan syer beliau secara langsung dan tidak langsung dalam Southern Bank Berhad dan pemegangan syer secara tidak langsung di dalam Southern Finance Berhad dan Southern Investment Bank Berhad.

Deemed interest pursuant to Section 6A of the Companies Act, 1965 by virtue of his direct and indirect shareholdings in Southern Bank Berhad and indirect shareholdings in Southern Finance Berhad and Southern Investment Bank Berhad.

carta organisasi *organisation chart*



ahli

pengurusan
management team

Puan Mazura Muhamad
Ketua, Audit Dalaman
Head, Internal Audit

Encik Sandeep Bhattacharya
Ketua, Pensekuritian
Head, Securitisation

Encik Azizi Ali
Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer

Puan Peggy Heng Yea Chin
Ketua, Operasi
Head, Operations



maklumat

korporat
*corporate
information*

**PEJABAT BERDAFTAR/
REGISTERED OFFICE**

19th Floor, West Wing
Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Tel : 603 - 2078 3688
Fax : 603 - 2078 7867
Website : www.cagamas.com.my
e-mail : info@cagamas.com.my

**JURUAUDIT/
AUDITORS**

Messrs. PricewaterhouseCoopers
11th Floor
Wisma Sime Darby
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur

**JURUBANK/
BANKERS**

Bank Negara Malaysia
Malayan Banking Berhad

Encik S. Shanmuganathan
Pengurus Kanan
Senior Manager

Encik N. Kokularupan
Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer

Encik Mohd Nor Abd Razak
Ketua, Akaun
Head, Accounts

Puan Sarah Abdul Aziz
Setiausaha Syarikat/Ketua,
Perkhidmatan Korporat
Company Secretary/Head,
Corporate Services





kukuh

**Dengan asas kami
yang kukuh,** kami akan

terus mara ke peringkat yang
lebih tinggi bagi menghasilkan
pertumbuhan dan ketahanan
jangka panjang.

kukuh

penyata pengerusi



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Kelapan Belas dan Penyata Kewangan Cagamas Berhad, Perbadanan Cagaran Malaysia, untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

Tahun 2004 merupakan tahun yang menarik dan penuh dengan peristiwa buat Cagamas terutamanya dengan terbitan sulung Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman (Residential Mortgage-Backed Securities - RMBS) yang pertama di Malaysia, secara usaha sama dengan Kerajaan Malaysia (Kerajaan). Terbitan ini telah mempertingkatkan imej Cagamas di dalam dan di luar negara sebagai pemberi khidmat kewangan yang berwibawa. Pengetahuan dan kemahiran yang berharga telah diasimilasikan oleh Syarikat ini secara keseluruhan melalui pengambilan set kemahiran baru untuk bekerja bersama-sama dengan kakitangan yang sedia ada dan penasihat-penasihat profesional luaran. Syarikat ini berhasrat untuk menggunakan pengetahuan tersebut untuk merebut peluang-peluang baru bagi memperkukuh dan mempertingkatkan lagi pencapaian Syarikat ini dalam jangka pertengahan.

K E M U N C A K P E N T I N G

Berlatar belakangkan lebih mudah tunai yang berterusan dalam sistem perbankan dan persekitaran kadar faedah yang stabil, institusi kewangan secara amnya keberatan untuk menjual pinjaman dan hutangnya kepada Cagamas. Untuk menggalak dan mempromosikan jualan pinjaman dan hutang, Syarikat ini menawarkan kadar pembelian disebut Cagamas (kadar Cagamas) yang menarik serta memperhebatkan usaha pemasarannya untuk menggalakkan institusi kewangan mengunci kedudukannya pada kadar Cagamas yang rendah. Hasilnya, pada tahun 2004, Syarikat ini berjaya membeli sejumlah RM7,166 juta pinjaman dan hutang dibandingkan dengan jumlah tertinggi dalam sejarah sebanyak RM11,112 juta pada tahun 2003. Tambahan pula, pembelian hutang secara Islam sebanyak RMI,600 juta merupakan jumlah pembelian tertinggi pada sesuatu tahun semenjak Syarikat ini memperkenalkan produk secara Islamnya pada tahun 1994.

Pada 31 Disember 2004, Cagamas telah membeli 12.6% daripada jumlah pinjaman perumahan dan 17.6% daripada jumlah hutang sewa beli dan pemajakan belum lunas dalam sistem perbankan. Peratusan yang agak rendah ini menunjukkan bahawa terdapat peluang yang besar bagi Cagamas untuk berkembang lebih jauh. Dalam proses tersebut, Cagamas bukan hanya membantu pemberi pinjaman primer dengan kecairan dan mekanisma perlindungan nilai, malah memperdalam serta memperluaskan lagi pasaran sekuriti hutang swasta yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, Cagamas terus menjadi pemain penting dalam pasaran sekuriti hutang swasta. Pada 31 Disember 2004, jumlah bon Cagamas yang belum ditebus adalah sebanyak RM26,752 juta. Ini mewakili 14.9% daripada pasaran bagi sekuriti hutang swasta dan 7.5% daripada jumlah bon dalam pasaran modal.

Pada tahun 2004, bon dan nota yang diterbitkan oleh Cagamas terus diberi penarafan tertinggi iaitu AAA dan PI oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan AAA dan MARC-I oleh Malaysian Rating Corporation Berhad. Penarafan tersebut mencerminkan pematuhan pihak pengurusan kepada garis panduan berhemat yang mentadbir operasi pembelian pinjaman dan pelaburan yang menghasilkan aset Cagamas yang bermutu tinggi.

P R E S T A S I K E W A N G A N

Cagamas telah berjaya menjalan dan menyempurnakan urus janji penssekuritian yang pertama untuk Kerajaan pada tahun 2004. Urus janji tersebut melibatkan penssekuritian RM1,936 juta pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan dan penerbitan RM1,555 juta RMBS melalui penubuhan sebuah syarikat tujuan khas, Cagamas MBS Berhad (CMBS) iaitu anak syarikat milik penuh Cagamas. Buat pertama kalinya, kedudukan kewangan Syarikat ini terdiri daripada kedudukan kewangan anak syarikat dan Kumpulan.

Pada tahap Syarikat, untung sebelum cukai untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 adalah RM183 juta. Walaupun terdapat sedikit peningkatan dalam jumlah pinjaman dan hutang yang belum dilunas dalam buku Syarikat ini pada akhir 2004 dibandingkan dengan 2003, untung sebelum cukai adalah lebih rendah pada tahap Syarikat untuk tahun 2004 dibandingkan dengan RM193 juta pada tahun 2003. Ini disebabkan oleh dasar penentuan harga yang lebih baik yang diamalkan oleh Syarikat ini dan matangnya pinjaman dan hutang berkadar hasil tinggi.

Sehubungan dengan itu, pulangan selepas cukai sesyer menyusut daripada 92 sen pada tahun 2003 kepada 88 sen pada tahun 2004. Ini memberikan pulangan selepas cukai sebanyak 11% ke atas purata dana pemegang syer, dibandingkan dengan 12% pada tahun sebelumnya. Dana pemegang syer meningkat sebanyak 11% daripada RM1,136 juta pada tahun 2003 kepada RM1,257 juta pada tahun 2004. Aset ketara bersih sesyer pula meningkat daripada RM7.57 pada akhir tahun 2003 kepada RM8.38 pada akhir tahun 2004.

Pada tahap Kumpulan, untung sebelum cukai untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 adalah RM279 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh kemasukan keuntungan CMBS. Peningkatan jumlah aset Kumpulan kepada RM29,948 juta pada akhir 2004 juga disebabkan oleh penyatuan aset CMBS hasil daripada penssekuritian pinjaman perumahan Kerajaan.

D I V I D E N

Untuk setengah tahun berakhir 30 Jun 2004, Lembaga Pengarah mengisytiharkan pembayaran dividen interim sebanyak 5 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan). Walaupun kedudukan kewangan Syarikat ini memberansangkan, Lembaga Pengarah telah mencadangkan pembayaran akhir sebanyak 10 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan). Ini setelah mengambil kira keperluan Syarikat ini untuk memelihara modalnya bagi membantu menghasilkan jumlah perniagaan yang lebih tinggi dan pensekuritian pinjaman perumahan dan kelas aset lain dalam tahun 2005. Jumlah dividen untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 adalah sebanyak 15 sen sesyer (ditolak cukai pendapatan).

I N I S I A T I F D A L A M T A H U N 2 0 0 4

Apabila Cagamas memulakan operasi pada bulan Oktober 1987, Syarikat ini membeli pinjaman perumahan dengan rekursa daripada institusi kewangan. Skim ini bertujuan untuk mengatasi tanggapan pasaran tentang risiko dan penyalahentuan harga bon di tahap permulaan pembangunan pasaran bon tempatan. Pada bulan Mac 1999, selaras dengan tujahan terhadap pensekuritian bersandarkan aset, Cagamas telah melancarkan skim pembelian pinjaman perumahan tanpa rekursa (pensekuritian). Walau bagaimanapun, institusi kewangan tidak terdesak untuk menjual pinjaman perumahannya di bawah skim tersebut memandangkan kepada lebihan kecairan dalam sistem perbankan dan nisbah kecukupan modal berlawanan risiko yang tinggi untuk sistem perbankan.

Kejayaan besar untuk pensekuritian dicapai pada bulan April 2004 apabila Kerajaan memberi mandat kepada Cagamas untuk melaksanakan pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan mengikut jadual serta tempoh masa tertentu. Mandat ini tidak hanya tertakluk kepada portfolio yang sedia ada tetapi turut merangkumi pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan pada masa hadapan. Ini benar-benar mencerminkan kepercayaan Kerajaan kepada keupayaan Cagamas untuk menstruktur pensekuritian tersebut dan mendapatkan harga yang bersaing. Pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan tersebut merupakan inisiatif strategik baru untuk memperluaskan pasaran bon tempatan dengan kelas aset baru di samping mewujudkan ukur rujuk keluk kadar hasil untuk Sekuriti Bersandarkan Aset jangka panjang. Terbitan sulung RMBS tersebut dijangka akan mempertingkatkan dagangan sekunder Sekuriti Bersandarkan Aset, selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk membangunkan pasaran bon yang cergas dan cair.

Portfolio pertama pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan telah disekuritkan pada 20 Oktober 2004, melibatkan RM1,936 juta pinjaman perumahan dan terbitan RMBS dengan nilai nominal RM1,555 juta kepada para pelabur tempatan dan asing. Terbitan tersebut beroleh kejayaan besar memandangkan ia berjaya menarik sejumlah RM11,100 juta dalam saiz buku daripada para pelabur. Sambutan hangat ini juga membolehkan terbitan tersebut ditetapkan pada harga yang berdaya saing di sekitar lingkungan rendah panduan harga iaitu 3.70%, 4.30%, 4.95% dan 5.50% setahun masing-masing untuk empat tempoh iaitu 3, 5, 7 dan 10 tahun. Pada harga tersebut, saiz buku kekal tinggi pada RM10,551 juta memberikan lebihan langganan sebanyak 5.6 kali. Kejayaan besar ini mencerminkan kepercayaan pasaran dalam kelas aset baru dan menunjukkan bahawa instrumen yang distruktur dengan baik dan bersandarkan aset berkualiti akan menarik lebih banyak kumpulan pelabur, dalam dan luar negara. Terbitan tersebut menerima penarafan tertinggi iaitu AAA daripada Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad. Kejayaan cemerlang urus janji ini juga dibuktikan dengan pengiktirafan yang diterima sebagai 'Best Local Currency Deal of the Year for 2004' (Urus Janji Matawang Tempatan Terbaik untuk Tahun 2004) daripada majalah Asiamoney dan untuk kategori 'Asset Triple A Regional Deals Awards for Best Local Currency Bond' (Aset AAA Anugerah Urus Janji Serantau untuk Bon Matawang Tempatan Terbaik) daripada majalah The Asset, Hong Kong.

Buat sekian lamanya, Cagamas telah menerajui promosi bagi sistem perbankan dan kewangan Islam sejajar dengan sistem kewangan konvensional. Syarikat ini mempelopori pembelian hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam, dan penerbitan Sanadat Mudharabah Cagamas (SMC) untuk membangunkan pasaran bon berasaskan prinsip Islam.

Untuk mempertingkatkan portfolio hutang secara Islamnya, Cagamas telah memperhalus ciri-ciri SMC, mewujudkan kesedaran di kalangan para pelabur dan menjalankan pemasaran yang lebih intensif. Pada 17 Ogos 2004, Cagamas telah melancarkan terbitan pertama Sanadat Cagamas dengan nilai nominal berjumlah RMI,000 juta. Memandangkan lebih banyak pembaharuan dalam kewangan Islam bakal dilaksanakan di Malaysia dan rantau Asia, Cagamas akan terus menjalankan pembangunan produk untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan dan antarabangsa.

Semenjak Cagamas ditubuhkan, sekuriti hutang Cagamas telah diberikan insentif pengawalseliaan. Walau bagaimanapun, berkuatkuasa pada 4 September 2004, Bank Negara Malaysia telah menyemak semula peraturan pengawalseliaan ke atas sekuriti hutang tak bercagar Cagamas. Secara amnya, ia merangkumi pengelasan semula terbitan masa hadapan daripada Kelas-1 kepada Kelas-2 aset yang boleh dicairkan dan pemansuhan bidaan wajib oleh Peniaga Utama untuk terbitan tersebut. Penarikan semula insentif berkenaan mencerminkan pengiktirafan Bank Negara Malaysia terhadap kematangan Cagamas serta keyakinannya kepada keupayaan Cagamas untuk terus memainkan peranan pentingnya dalam pembangunan pasaran modal dalam keadaan persaingan yang diterajui oleh pasaran, selaras dengan liberalisasi dan globalisasi pasaran kewangan dan modal yang sedang berlaku ketika ini. Keyakinan kuat pasaran terhadap Cagamas dipamerkan melalui harga yang amat baik yang diperolehi daripada terbitan baru sekuriti hutang Cagamas.

Sebagai sebahagian daripada fasa perubahan dan cara untuk menjamin pertumbuhan dan produktiviti pada masa hadapan, Cagamas telah melaksanakan Pelan Induk Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2002 untuk mempertingkatkan sistem dan kawalan utama Syarikat ini. Sehubungan dengan itu, dua sistem utamanya iaitu Sistem Pengurusan Perbendaharaan dan Sistem Pemprosesan Pinjaman telah berjaya disempurnakan dan beroperasi sepenuhnya pada bulan Disember 2004. Dengan pelaksanaan kedua-dua sistem tersebut, Syarikat ini kini berada pada kedudukan yang baik untuk mempertingkatkan kecekapannya dan menghasilkan produk-produk baru dengan lebih berkesan untuk memenuhi permintaan yang mencabar daripada para pelanggannya.

Selain daripada kecukupan sistem-sistem bantuan, pengurusan risiko memainkan peranan yang kritikal dalam memastikan kualiti aset, terutamanya kejayaan usaha baru Cagamas dalam pensukuritian dan pembiayaan secara Islam. Sekatan ke atas risiko dan integriti urus niaga meminimumkan kerugian daripada aset berkualiti rendah, seterusnya memudahkan penentuan harga bersaing yang lebih baik. Oleh itu, selaras dengan rancangan Cagamas untuk mewujudkan pendekatan pengurusan risiko secara menyeluruh, Syarikat ini telah melantik KPMG Business Advisory Sdn Bhd untuk merangka Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Bersepadu dan menjalankan kajian persekitaran mengenai pemerolehan data untuk pembangunan kad mata kredit di bawah Fasa 1 projek berkenaan.

Syarikat ini akan memulakan Fasa 2 perundingan tersebut yang merangkumi pembangunan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit dan pembangunan kad mata kredit untuk membantu rancangan pensukuritian Syarikat ini.

Perundingan tersebut memberikan peluang latihan kepada kakitangan Cagamas untuk mempelajari daripada mereka yang mahir tentang cara-cara pengurusan risiko kredit yang lebih baik dan mengukur rujuk rangka kerja pengurusan risiko tersebut dengan amalan terbaik. Untuk memperkukuh dan menanamkan budaya kesedaran risiko korporat, latihan mengenai kesedaran risiko telah diadakan untuk kakitangan Cagamas.

Pada tahun 2004, Cagamas telah membawa masuk kemahiran baru di samping mengekalkan kesemua tenaga berpengalamannya terutamanya pihak pengurusan utama. Penggabungan pengetahuan dan idea tambahan dengan pengalaman sedia ada Syarikat ini telah meningkatkan keseluruhan tahap kemahiran sumber tenaga Syarikat ini.

Selaras dengan harapan tinggi pelbagai pihak yang berkepentingan dan para pelanggan, Syarikat ini terus menggalakkan ketelusan dan keutuhan yang lebih tinggi dalam mengendalikan kesemua bahagian operasi perniagaannya dengan mempertingkatkan piawaian urus tadbir korporat. Syarikat ini mematuhi rejim pendedahan berasaskan penzahiran dalam mengekalkan piawaian yang tinggi dalam laporan kewangan, dan memberi laporan kewangan dan maklumat korporat lain yang terperinci, berkaitan dan boleh dipercayai bagi membolehkan para pemegang syer dan para pelaburnya mengukur nilai sebenar Syarikat ini serta potensinya. Kemenangan Syarikat ini dalam Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (National Annual Corporate Reports Award - NACRA) untuk kecermerlangan keseluruhan dalam laporan tahunan di bawah kategori 'Best Annual Report of Non-listed Organisations' (Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Tak Tersenarai) untuk tahun 2003 mencerminkan pengiktirafan terhadap usaha yang telah dilakukan oleh Cagamas.

P R O S P E K

Perjalanan Cagamas akan menjadi lebih menarik dan lebih mencabar pada masa akan datang dengan perubahan struktur yang sedang berlaku dalam ekonomi, sektor kewangan dan pasaran modal di samping arah aliran globalisasi yang tidak akan berubah. Walaupun Syarikat ini mencapai prestasi yang amat membanggakan dalam tahun 2004, perubahan-perubahan ini akan memberi cabaran serta peluang-peluang baru kepada Cagamas. Liberalisasi pasaran kewangan dan modal serta meningkatnya kecanggihan dalam kalangan para penerbit sekuriti dan para pelabur memerlukan pendekatan yang inovatif terhadap pensekuritian. Dengan penerbitan Garis Panduan untuk Tawaran Sekuriti Bersandarkan Aset oleh Suruhanjaya Sekuriti dan Piawaian Berhemat untuk Urus Niaga Pensekuritian Bersandarkan Aset oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas akan menghadapi persaingan daripada institusi kewangan yang mungkin memilih untuk mensekuritikan sendiri portfolio asetnya. Oleh itu, Cagamas akan berusaha untuk membangunkan pelbagai produk kewangan dan membuat pembaharuan bagi memberi kebolehubahan kepada para penjual yang mempunyai keperluan pembiayaan yang berlainan dan memenuhi kehendak risiko-pulangan para pelabur.

Tambahan pula, Cagamas kini berada di persimpangan untuk beroperasi dalam suasana yang bersaing di samping mengekalkan matlamat sosial utamanya iaitu penggalakan pemilikan rumah. Misi korporat Syarikat ini ialah untuk menyediakan produk kewangan yang akan menjadikan pinjaman perumahan lebih mudah diperolehi serta berpatutan kepada rakyat Malaysia, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Ini dilaksanakan dengan meminjam wang melalui terbitan sekuriti hutang dan menggunakan dana tersebut untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan daripada institusi kewangan, badan korporat terpilih dan Kerajaan. Proses perantaraan dalam pasaran kewangan dan modal ini memberi kecairan pada harga yang berpatutan kepada pemberi pinjaman perumahan primer, seterusnya menggalakkan lagi pembiayaan perumahan pada harga yang berpatutan. Selain daripada pinjaman perumahan, Syarikat ini juga menyediakan produk lain termasuk pinjaman harta perindustrian, hutang sewa beli dan pemajakan (konvensional dan secara Islam) dan terimaan kad kredit.

Cabaran yang dihadapi oleh Cagamas pada hari ini ialah untuk memperhebat dan memperluaskan peranannya sebagai pengantara dalam pasaran kewangan dan modal dengan menyediakan lebih banyak produk yang membawa pembaharuan pada harga yang lebih baik dibandingkan dengan para pesaingnya. Syarikat ini bercadang untuk memperluaskan kewangan khusus tersebut kepada sektor ekonomi kritikal lain seperti perusahaan skala kecil dan sederhana. Syarikat ini akan segera memulakan fasa barunya di samping terus berusaha mendapatkan kecemerlangan dalam menjadikan pinjaman perumahan dan produk kewangan lain lebih mudah diperolehi pada harga yang berpatutan.

Semasa menimbang usaha niaga atau produk baru, Syarikat ini akan sentiasa menimbang risiko serta pulangannya bagi memastikan pulangan yang setara dengan risiko yang diambil. Untuk mencapai piawaian tinggi yang diharapkan oleh para pemegang syer dan pelanggan, Syarikat ini akan terus mengekalkan amalan urus tadbir korporat yang baik dan menghubungkan risiko dan ganjaran yang berkesan untuk memaksimumkan nilai para pemegang syer dan mengekalkan prestasi Syarikat ini. Cagamas akan terus berusaha untuk menambah ketelusan dan keutuhan dalam mempertingkatkan imej korporatnya di samping terus membuat pembaharuan dan berusaha gigih dalam masa yang sama.

Memandangkan Syarikat ini sedang giat mengejar beberapa urus janji pensekuritian, termasuk pensekuritian kelas aset baru selain daripada pinjaman perumahan, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan sedar bahawa pelaburan dalam sumber tenaga manusia amat penting untuk mewujudkan suatu tenaga kerja yang berpengetahuan luas, mahir dan cekap untuk memberi manfaat jangka panjang yang besar kepada kakitangan dan juga Syarikat ini. Oleh itu, Syarikat ini akan terus mengambil dan mengekalkan kakitangan mahir melalui peningkatan polisi pampasan yang sewajarnya bagi mencerminkan pasaran yang bersaing. Syarikat ini juga akan memperhebatkan lagi latihan kakitangan dan pemerolehan pengetahuan baru bagi memastikan kakitangannya memiliki kemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan perniagaan baru yang lebih rumit.

Untuk langkah seterusnya, Syarikat ini akan menyatukan kesemua kemahirannya dalam pengetahuan, pemprosesan, organisasi, pembaharuan dan penghantaran untuk mengharungi cabaran baru dalam pasaran yang semakin bersaing. Saya yakin bahawa pasukan Cagamas akan berjaya dalam usaha 'Penyatuan dan Cabaran' dalam tahun ini.

P E N G H A R G A A N

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada para pelanggan dan pemegang syer yang dihargai di atas sokongan berterusan serta komitmen mereka terhadap matlamat Syarikat ini. Lembaga Pengarah juga ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak berkuasa terutamanya Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia, dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia di atas sokongan dan bantuan berharga yang diberikan secara berterusan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Puan Yvonne Chia yang menyertai Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2004, dan Encik Abdul Karim Md Lassim dan YM Tunku Afwida Tunku A. Malek yang menyertai Lembaga Pengarah pada bulan Januari 2005. Saya juga ingin merakamkan penghargaan Lembaga Pengarah di atas sumbangan yang telah diberikan oleh Dato' Wan Ismail Abdul Rahman, Encik Md Agil Mohd Natt dan Dr. Rozali Mohamed Ali yang telah bersara daripada Lembaga Pengarah, masing-masing pada bulan Ogos, September dan Disember 2004.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Syarikat ini di atas usaha gigih mereka dalam menjadikan 2004 suatu lagi tahun yang berjaya buat Cagamas.



Dato' Ooi Sang Kuang
Pengerusi

operasi

AKTIVITI PEMBELIAN

Pembelian dengan rekursa terus memberi cabaran memandangkan kepada lebih mudah tunai yang berterusan dan kadar faedah yang rendah dalam sistem kewangan tempatan. Oleh itu, institusi kewangan keberatan untuk menjual pinjaman perumahan dan hutang sewa beli dan pemajakannya (secara ringkasnya dikenali sebagai pinjaman dan hutang) kepada Cagamas. Namun, dengan usaha yang gigih dalam pemasaran dan Kadar Cagamas yang menarik, Syarikat ini telah mencapai jumlah pembelian pinjaman dan hutang sebanyak RM7,166 juta pada tahun 2004 (tidak termasuk persekutuan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan sebanyak RM1,936 juta). Ini menunjukkan penurunan sebanyak 35.5% dibandingkan dengan pembelian sebanyak RM11,112 juta pada tahun 2003. Jumlah pembelian terdiri daripada RM5,566 juta pinjaman dan hutang konvensional dan RM1,600 juta hutang secara Islam.

Sepanjang separuh pertama tahun 2004, dengan berlatar belakangkan lebih mudah tunai dan persekitaran kadar faedah yang stabil, Syarikat ini telah menurunkan Kadar Cagamas selaras dengan pergerakan kadar hasil bon. Strategi ini telah berjaya meningkatkan pembelian dengan rekursa sebanyak 7.5% kepada RM3,565 juta pada sepanjang separuh pertama tahun 2004 dibandingkan dengan RM3,315 juta untuk tempoh yang sama pada tahun 2003. Separuh kedua tahun 2004 pula menyaksikan penurunan dalam pembelian yang disebabkan oleh bertambahnya pesaing bagi pembiayaan dengan adanya deposit berjangka pendek pada kadar yang rendah, dan kadar keuntungan yang semakin mengecil antara Kadar Cagamas dan kadar pinjaman untuk hutang sewa beli. Oleh itu, pembelian pinjaman dan hutang dengan rekursa pada separuh kedua tahun 2004 sebanyak RM3,601 juta adalah 53.8% lebih rendah dibandingkan dengan pembelian berjumlah RM7,797 juta untuk tempoh yang sama pada tahun 2003.

Pada bulan Julai 2004, Syarikat ini telah berjaya memperkenalkan kaedah pembiayaan secara Islam yang baru iaitu Sanadat Cagamas sebagai sebahagian daripada usahanya untuk mempromosikan produk secara Islam. Sanadat Cagamas yang berasaskan prinsip Bai Bithaman Ajil menawarkan pulangan tetap yang diagihkan kepada para pelabur. Permintaan yang menggalakkan bagi Sanadat Cagamas menyebabkan para pelabur menetapkan harga Sanadat Cagamas cuma pada lima mata asas lebih tinggi daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia. Pada tahun 2004, Cagamas telah membeli hutang secara Islam dengan rekursa sebanyak RM1,600 juta iaitu jumlah tertinggi yang pernah dibeli oleh Syarikat ini. Jumlah ini terdiri daripada RM500 juta hutang pembiayaan rumah secara Islam dan RM1,100 juta hutang sewa beli secara Islam dibandingkan dengan pembelian hutang secara Islam berjumlah RM320 juta pada tahun 2003.

Pembelian pinjaman dan hutang secara konvensional dan hutang secara Islam dengan rekursa berjumlah RM5,566 juta dan RM1,600 juta, masing-masing menyumbang sebanyak 77.7% dan 22.3% daripada jumlah pembelian dengan rekursa pada sepanjang tahun. Pada tahun 2004, Syarikat ini telah membeli sebanyak RM124 juta pinjaman dan hutang daripada sebuah syarikat kredit perumahan dan RM25 juta hutang sewa beli dan pemajakan daripada sebuah syarikat pengedar kereta di bawah pengatur sandar-menyandar. Kemudahan ini membolehkan para penjual, yang tidak dibenarkan menjual secara terus kepada Cagamas, mendapatkan dana daripada Syarikat ini pada kos yang rendah melalui institusi kewangan pengantara.

Lebih dari separuh atau 52.5% daripada jumlah pembelian dengan rekursa telah dibuat untuk tempoh 3 tahun walaupun terdapat penurunan Kadar Cagamas yang ketara dari 75 hingga 90 mata asas untuk pembelian bertempoh sederhana 4 hingga 6 tahun. Ini adalah kerana Kadar Cagamas untuk tempoh 3 tahun agak bersaing dengan kadar pembiayaan berjangka pendek dalam sistem perbankan. Sejumlah RM3,762 juta pembelian dengan rekursa telah dilaksanakan untuk tempoh 3 tahun.

JADUAL I

Pembelian Pinjaman dan Hutang

| | 2004 | | 2003 | |
|----------------------------------|--------------|-------------|---------------|-------------|
| | RM juta | % | RM juta | % |
| Jenis Pinjaman | | | | |
| • Pinjaman Perumahan | 2,339 | 32.6 | 7,036 | 63.3 |
| - Konvensional-Utama | 549 | 7.6 | 983 | 8.8 |
| - Konvensional-Biasa | 1,290 | 18.0 | 5,933 | 53.4 |
| - Secara Islam | 500 | 7.0 | 120 | 1.1 |
| • Hutang Sewa Beli dan Pemajakan | 4,827 | 67.4 | 4,076 | 36.7 |
| - Konvensional | 3,727 | 52.0 | 3,876 | 34.9 |
| - Secara Islam | 1,100 | 15.4 | 200 | 1.8 |
| • Pinjaman Harta Perindustrian | – | – | – | – |
| Jumlah | 7,166 | 100 | 11,112 | 100 |
| Penjual | | | | |
| • Bank Perdagangan | 2,151 | 30.0 | 6,738 | 60.6 |
| • Syarikat Kewangan | 4,952 | 69.1 | 4,159 | 37.4 |
| • Bank Saudagar | 63 | 0.9 | 95 | 0.9 |
| • Perbadanan | – | – | 120 | 1.1 |
| Jumlah | 7,166 | 100 | 11,112 | 100 |
| Jenis Opsyen | | | | |
| • Pada Kadar Tetap | 7,166 | 100 | 10,962 | 98.7 |
| • Pada Kadar Terapung | – | – | 150 | 1.3 |
| • Pada Kadar Boleh Tukar | – | – | – | – |
| Jumlah | 7,166 | 100 | 11,112 | 100 |

Analisis ke atas Jadual I menunjukkan bahawa:

- Pembelian hutang sewa beli dan pemajakan daripada syarikat kewangan telah meningkat sebanyak 18.4% daripada RM4,076 juta pada tahun 2003 kepada RM4,827 juta pada tahun 2004. Oleh itu, jumlah hutang sewa beli dan pemajakan (termasuk hutang sewa beli secara Islam) menyumbang sebanyak 67.4% daripada jumlah pembelian pada tahun 2004 dibandingkan dengan 36.7% pada tahun 2003. Sebaliknya, pembelian pinjaman perumahan menurun dengan mendadak sebanyak 66.8% daripada RM7,036 juta pada tahun 2003 kepada RM2,339 juta pada tahun 2004. Oleh itu, jumlah pinjaman perumahan menyumbang hanya sebanyak 32.6% daripada keseluruhan jumlah pembelian pada tahun 2004 dibandingkan dengan 63.3% pada tahun 2003.
- Sebuah syarikat kredit perumahan terus aktif menjual pinjaman perumahannya sebanyak RM124 juta di bawah pengaturan sandar-menyandar melalui tiga institusi kewangan pengantara, sementara sebuah syarikat pemajakan telah menjual hutang sewa beli dan pemajakan sebanyak RM25 juta melalui sebuah bank saudagar.
- Tiga institusi kewangan telah mengambil bahagian di bawah kaedah pembiayaan baru Sanadat Cagamas dengan menjual hutang pembiayaan rumah dan sewa beli secara Islamnya sebanyak RM1,600 juta kepada Cagamas.

- (d) Dari segi penjual pula, jualan daripada syarikat kewangan meningkat sebanyak 19.1% daripada RM4,159 juta pada tahun 2003 kepada RM4,952 juta pada tahun 2004. Oleh itu, jualan daripada syarikat kewangan menyumbang sebanyak 69.1% dibandingkan dengan 37.4% pada tahun 2003. Sebaliknya pula, pinjaman dan hutang yang dijual oleh bank perdagangan telah menurun dengan mendadak daripada 60.6% kepada 30.0% memandangkan bank perdagangan telahpun melindungi nilai kedudukannya dengan menjual sejumlah besar pinjaman dan hutang (RM6,738 juta) pada tahun 2003.
- (e) Kesemua pembelian dengan rekursa adalah berdasarkan kadar tetap.

JADUAL 2

Pembelian Pinjaman Perumahan Konvensional dan Hutang Pembiayaan Rumah Secara Islam Dengan Rekursa pada Tahun 2004 Mengikut Agihan Geografi

| Negeri | Nilai Belian RM juta | % | Bilangan Pinjaman | % |
|-----------------|-------------------------|--------------|----------------------|--------------|
| Kuala Lumpur | 813 | 34.8 | 10,079 | 29.2 |
| Johor | 469 | 20.0 | 7,231 | 21.2 |
| Selangor | 244 | 10.4 | 1,886 | 5.6 |
| Sabah | 160 | 6.8 | 3,563 | 10.3 |
| Perak | 132 | 5.6 | 3,784 | 11.0 |
| Pulau Pinang | 127 | 5.4 | 2,155 | 6.3 |
| Kedah | 114 | 4.9 | 1,828 | 5.3 |
| Melaka | 96 | 4.1 | 1,296 | 3.7 |
| Negeri Sembilan | 77 | 3.3 | 1,285 | 3.7 |
| Sarawak | 45 | 1.9 | 361 | 1.0 |
| Pahang | 31 | 1.4 | 457 | 1.3 |
| Kelantan | 17 | 0.7 | 250 | 0.7 |
| Terengganu | 5 | 0.3 | 56 | 0.3 |
| Perlis | 5 | 0.2 | 185 | 0.5 |
| Labuan | 4 | 0.2 | 32 | 0.1 |
| Jumlah | 2,339 | 100.0 | 34,448 | 100.0 |

Jadual 2 menunjukkan pembelian pinjaman konvensional dan hutang pembiayaan rumah secara Islam dengan rekursa oleh Syarikat ini pada tahun 2004 mengikut agihan geografi. Pembelian pinjaman perumahan dan hutang pembiayaan rumah secara Islam yang diterbitkan di Kuala Lumpur, Johor, Selangor, Sabah dan Perak menyumbang sebanyak tiga perempat daripada jumlah bilangan dan nilai pinjaman perumahan konvensional dan hutang pembiayaan rumah secara Islam yang dibeli dengan rekursa oleh Syarikat ini.

BELIAN BALIK PINJAMAN DAN HUTANG

Di bawah syarat-syarat penjualan dengan rekursa, institusi penjual berjanji untuk membeli balik pinjaman dan hutang daripada Cagamas sekiranya pinjaman dan hutang tersebut ditebus oleh para peminjam atau didapati tidak lagi menepati syarat-syarat kelayakan untuk terus dijual kepada Cagamas. Insituti penjual juga dikehendaki membeli balik pinjaman dan hutang tersebut pada tarikh kajian semula harga sekiranya ia tidak bersetuju dengan harga baru yang ditawarkan oleh Cagamas bagi penyambungan semula kontrak pembelian tersebut. Kecuali belian balik pada tarikh kajian semula, pinjaman yang dibeli balik mestilah digantikan dengan pinjaman dan hutang lain yang sama nilainya. Semua produk tertakluk kepada penggantian wajib, kecuali pinjaman perumahan yang diberi pilihan penggantian. Pada tahun 2004, sejumlah RM3,207 juta pinjaman dan hutang telah dibeli balik oleh institusi kewangan dan perbadanan terpilih. Ia merangkumi RM2,399 juta pinjaman perumahan konvensional dan pinjaman harta perindustrian, RM699 juta hutang sewa beli dan pemajakan dan RM109 juta hutang secara Islam.

PENSEKURITIAN PINJAMAN PERUMAHAN KAKITANGAN KERAJAAN

Pada tahun 2004, Syarikat ini telah berjaya buat pertama kalinya membeli pinjaman perumahan tanpa rekursa melalui pensekuritian pinjaman perumahan yang diberi kepada kakitangan sektor awam Kerajaan Malaysia. Pensekuritian pinjaman gadai janji kediaman berjumlah RM1,555 juta tersebut merupakan urus janji yang pertama serta yang terbesar pernah dilaksanakan di Malaysia. Ia merupakan urus niaga yang pertama dalam rancangan pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan. Untuk melaksanakan pensekuritian tersebut, Syarikat ini telah menubuhkan sebuah syarikat tujuan khas (special purpose vehicle) yang dikenali sebagai Cagamas MBS Berhad (CMBS) khusus untuk membeli pinjaman perumahan kakitangan daripada Kerajaan Malaysia secara berperingkat-peringkat.

Urus niaga tersebut bercagarkan portfolio 68,396 pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan berjumlah RM1,936 juta yang diselenggarakan melalui potongan bulanan wang pencen kakitangan sektor awam yang telah bersara. Portfolio berkenaan terdiri daripada pinjaman perumahan dengan pembiasaan baik. Oleh itu, pembiasaan purata berwajaran pinjaman berkenaan adalah 15 tahun dan pinjaman tersebut tidak mungkir semasa dibeli. Saiz pinjaman perumahan tersebut adalah agak kecil dengan saiz purata sebanyak RM28,302. Nisbah pinjaman ke atas nilai untuk portfolio tersebut, berdasarkan jumlah pokok semasa yang belum dilunas ke atas nilai gadai janji harta berkenaan sewaktu permohonan pinjaman dibuat, adalah tidak lebih daripada 53%. Ini menunjukkan bahawa pinjaman perumahan tersebut mempunyai pembiasaan yang baik dan sebahagian besar daripada bakinya telah dijelaskan.

Portfolio tersebut mestilah menepati kriteria kelayakan yang ketat, yang antara lainnya, adalah seperti berikut:

- Pencen bulanan peminjam adalah bersamaan dengan atau lebih daripada jumlah bayaran bulanan yang perlu dibayar kepada Kerajaan Malaysia;
- Kesemua aset gadai janji dilindungi oleh polisi Insurans Pemilik Rumah dan Insurans Gadai Janji Kadar Menurun (Mortgage Reducing Term Assurance – MRTA);
- Jumlah perlindungan di bawah polisi MRTA adalah bersamaan dengan atau lebih daripada jumlah pokok yang belum dilunas untuk setiap pinjaman perumahan;
- Polisi MRTA terus berkuat kuasa sehingga pinjaman berkenaan dibayar sepenuhnya; dan
- Pinjaman perumahan mestilah dicagarkan dengan gadaian pertama.

PORTFOLIO YANG BELUM DILUNAS

Jadual 3 menunjukkan komposisi pinjaman dan hutang yang belum dilunas dalam pegangan Syarikat dan CMBS pada 31 Disember 2004. Jumlah pinjaman dan hutang yang belum dilunas dalam pegangan Cagamas pada 31 Disember 2004 adalah sebanyak RM27,508 juta. Ini menunjukkan peningkatan sut sebanyak 0.6% dibandingkan dengan RM27,339 juta pada 31 Disember 2003. Peningkatan dalam portfolio pinjaman dan hutang adalah disebabkan oleh pembelian baru yang lebih tinggi sebanyak RM7,166 juta dibandingkan dengan pembelian balik dan pembayaran balik yang lebih rendah berjumlah RM6,997 juta.

Pada 31 Disember 2004, sebahagian besar daripada portfolio pinjaman dan hutang yang belum dilunas merupakan pinjaman perumahan konvensional (RM13,545 juta atau 49.2%), hutang sewa beli dan pemajakan konvensional (RM11,732 juta atau 42.6%), hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam (RM2,211 juta atau 8.1%), dan pinjaman harta perindustrian (RM20 juta atau 0.1%).

Nilai pinjaman perumahan yang belum dilunas dalam pegangan CMBS pada 31 Disember 2004 adalah sebanyak RM1,525 juta.

JADUAL 3
Portfolio Pinjaman dan Hutang yang Belum Dilunas

| Jenis | Pada 31 Disember 2004 | | Pada 31 Disember 2003 | | % Perubahan |
|--------------------------------|--------------------------|--------------|--------------------------|--------------|----------------|
| | RM juta | % | RM juta | % | |
| Cagamas | | | | | |
| Pinjaman Perumahan | 14,249 | 51.8 | 15,485 | 56.6 | -8.0 |
| - Konvensional | 13,545 | 49.2 | 15,140 | 55.4 | -10.5 |
| - Secara Islam | 704 | 2.6 | 345 | 1.2 | 104.1 |
| Hutang Sewa Beli dan Pemajakan | 13,239 | 48.1 | 11,799 | 43.2 | 12.2 |
| - Konvensional | 11,732 | 42.6 | 11,236 | 41.1 | 4.4 |
| - Secara Islam | 1,507 | 5.5 | 563 | 2.1 | 167.7 |
| Pinjaman Harta Perindustrian | 20 | 0.1 | 55 | 0.2 | -63.6 |
| Jumlah | 27,508 | 100.0 | 27,339 | 100.0 | 0.6 |
| CMBS | | | | | |
| Pinjaman Perumahan | 1,525 | 100.0 | - | - | - |

KADAR CAGAMAS

Pada tahun 2004, terdapat hanya 12 kali semakan ke atas Kadar Cagamas Utama 3 Tahun ukur rujuk seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 dibandingkan dengan 24 kali semakan pada tahun 2003. Secara amnya, Kadar Cagamas Utama 3 Tahun telah diturunkan kecuali tiga kenaikan pada suku kedua tahun 2004.

Walaupun setelah pengumuman semakan semula peraturan pengawalseliaan ke atas sekuriti hutang Cagamas pada 3 September 2004, Kadar Cagamas tetap berada pada tahap sebelum pengumuman tersebut dibuat. Seterusnya, Kadar Cagamas telah diturunkan pada tiga tarikh kajian semula iaitu 22 Oktober 2004, 30 November 2004 dan 15 Disember 2004, selaras dengan penurunan kadar hasil bon.

Ekoran daripada lebih mudah tunai yang berterusan dalam sistem perbankan, institusi kewangan enggan menjual pinjaman dan hutangnya kepada Cagamas. Untuk menggalakkan jualan, Syarikat ini telah menurunkan Kadar Cagamas Utama 3 Tahun secara berperingkat-peringkat sebanyak 50 mata asas daripada 4.30% setahun pada bulan Januari 2004 kepada serendah 3.80% setahun pada bulan Mac 2004. Kemudiannya, selaras dengan peningkatan kadar hasil bon, Kadar Cagamas Utama 3 Tahun telah dinaikkan sebanyak 40 mata asas daripada 3.80% setahun pada bulan Mac 2004 kepada 4.20% setahun pada bulan Jun 2004. Seterusnya, Kadar Cagamas Utama 3 Tahun telah diturunkan sebanyak 55 mata asas daripada 4.20% setahun kepada 3.65% setahun pada bulan Disember 2004 sebagai mencerminkan penurunan mendadak kadar hasil bon yang disebabkan oleh aliran masuk dana spekulatif asing ekoran dari jangkaan kemungkinan berlakunya perubahan terhadap tambatan Ringgit Malaysia.

JADUAL 4

Kadar Tetap Cagamas 3 Tahun untuk Pembelian dengan Rekursa

| Tarikh Berkuatkuasa | Kadar Utama % setahun | Kadar Biasa % setahun |
|---------------------|--------------------------|--------------------------|
| 22 Disember 2003 | 4.50 | 4.55 |
| 8 Januari 2004 | 4.30 | 4.35 |
| 16 Januari 2004 | 4.05 | 4.10 |
| 16 Februari 2004 | 3.90 | 3.95 |
| 30 Mac 2004 | 3.80 | 3.85 |
| 13 Mei 2004 | 3.90 | 3.95 |
| 24 Mei 2004 | 4.10 | 4.15 |
| 21 Jun 2004 | 4.20 | 4.25 |
| 13 Julai 2004 | 4.10 | 4.15 |
| 22 Julai 2004 | 4.00 | 4.05 |
| 22 Oktober 2004 | 3.90 | 3.95 |
| 30 November 2004 | 3.80 | 3.85 |
| 15 Disember 2004 | 3.65 | 3.70 |



stabil



tabbil

Syarikat kami

**lebih stabil
pada hari ini
dibandingkan
dengan
sebelumnya.**

Pasaran kini tahu yang ia
boleh bergantung kepada
kami pada waktu senang
dan susah untuk
menghasilkan penyelesaian
yang inovatif.

pensekuritian

pinjaman perumahan kakitangan kerajaan

Pada bulan April 2004, Kerajaan Malaysia telah memberi mandat kepada Cagamas Berhad untuk melaksanakan pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan (PPKK) secara berperingkat-peringkat. Jumlah keseluruhan pokok yang belum lunas bagi kumpulan pinjaman perumahan tersebut adalah lebih kurang RM25 bilion.

MATLAMAT URUS NIAGA

Pensekuritian PPKK merupakan salah satu daya usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk memperdalam dan mempertingkatkan kecekapan pasaran modal tempatan. Terbitan Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji Kediaman (Residential Mortgage-Backed Securities - RMBS) yang bernilai sehingga RM25 bilion dijangka akan menambahkan satu lagi kelas aset bagi memperluaskan lagi pasaran bon Malaysia dan juga menggalakkan Sekuriti Bersandarkan Aset (Asset-Backed Securities - ABS) sebagai instrumen baru untuk mendapatkan dana daripada pasaran modal. RMBS tersebut juga dijangka akan mewujudkan keluk kadar hasil untuk Sekuriti Bersandarkan Gadai Janji. Keluk kadar hasil tersebut akan bertindak sebagai ukur rujuk kepada penerbit ABS lain dalam membuat anggaran tentang tahap harga yang mungkin diperolehi bagi aset mereka. Dengan terdapatnya lebihan kecairan dalam sistem kewangan dan bertambahnya kematangan pasaran bon Ringgit, kewujudan kelas aset yang baru melalui urus niaga ini merupakan petanda baik untuk pembangunan pasaran bon.

STRUKTUR


Salah satu matlamat pensekuritian adalah untuk mengasingkan risiko ketidakmampuan bayar pemberi pinjaman daripada risiko aset berkenaan tidak membayar. Ini membolehkan para pelabur bergantung kepada kualiti aset berkenaan daripada kedudukan kredit pemberi pinjaman. Oleh itu, penubuhan Syarikat Tujuan Khas (Special Purpose Vehicle - SPV) adalah perlu untuk memastikan perkara-perkara berikut:

- Penghindaran kemuflihan
Untuk memastikan aset berkenaan diasingkan daripada pemberi pinjaman sekiranya pemberi pinjaman tersebut menjadi muflis atau menghadapi masalah.
- Penjualan sebenar terimaan
Untuk memastikan pemindahan aset daripada pemberi pinjaman kepada SPV tidak boleh dicirikan semula sebagai pembiayaan.

Untuk tujuan pensekuritian PPKK, Cagamas MBS Berhad (CMBS), sebuah anak syarikat milik penuh Cagamas, telah ditubuhkan sebagai sebuah entiti tujuan terhad untuk membeli PPKK secara berperingkat-peringkat dan menerbitkan RMBS untuk mendapatkan hasil belian bagi pinjaman perumahan tersebut. Walaupun CMBS tidak dirancang sebagai sebuah SPV biasa, anak syarikat tersebut tetap terhindar daripada kemuflihan memandangkan tidak terdapat pencagaran bersilang untuk setiap terbitannya. Lembaga Pengarah CMBS terdiri daripada para pengarah yang mewakili Cagamas dan seorang pengarah bebas mewakili satu pertiga daripada Lembaga Pengarah tersebut.

Gambar rajah berikut menunjukkan struktur urus niaga tersebut:

CARTA I Struktur Urus Niaga



PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DALAM URUS NIAGA

- Pemberi Pinjaman**
 Kerajaan Malaysia merupakan pemberi pinjaman portfolio pinjaman tersebut. Pinjaman tersebut diberikan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan yang ditubuhkan untuk memberi serta menguruskan PPKK.
- Penyelenggara**
 Kerajaan kekal sebagai Penyelenggara pinjaman dan kakitangan Kerajaan masih terus berurusan dengan Kerajaan. Fungsi-fungsi Penyelenggara termasuklah mengutip ansuran bulanan dan mengambil tindakan undang-undang yang perlu untuk mendapatkan semula pinjaman yang tidak berbayar.
- Penasihat Kewangan**
 Membangunkan struktur termasuk pemodelan aliran tunai yang menepati kehendak Cagamas, agensi penarafan, pemberi pinjaman dan para pelabur. Penasihat Kewangan juga mengendalikan analisis data sejarah termasuklah penstrataan portfolio dan analisis kumpulan statik aset yang akan disekuritikan dan mewujudkan kriteria kelayakan bagi aset yang menyandari RMBS.

- **Penasihat undang-undang**
Mengendalikan penaksiran nilai perundangan dan memberi pandangan kepada Cagamas dari segala sudut perundangan urus niaga berkenaan serta menyediakan dokumen berkaitan bagi memastikan pindahan aset menepati ciri-ciri penjualan sebenar. Ini adalah kritikal untuk memastikan aset berkenaan tidak tergugat sekiranya berlaku kemuflihan.
- **Penasihat Perakaunan**
Memberi pandangan tentang isu-isu berperaturan dan perakaunan, menjalankan pematuhan audit terhadap kriteria kelayakan bagi kumpulan aset yang akan disekuritkan, serta mengendalikan penaksiran nilai kewangan yang melibatkan pengesahan unjuran aliran tunai.
- **Penasihat Cukai**
Mengenal pasti segala isu-isu cukai, memberi pandangan tentang implikasinya serta menyediakan pendapat bertulis tentang bahagian yang mungkin mempunyai risiko cukai dan analisis kedudukan cukai dalam struktur urus niaga berkenaan.
- **Penasihat Utama/Pengatur Utama**
Bertanggungjawab untuk menyedia dan menyerahkan dokumen-dokumen berkaitan untuk kelulusan pihak berkuasa. Dalam hal ini, Penasihat Utama/Pengatur Utama menyemak dokumen-dokumen berkenaan serta maklumat-maklumat lain yang akan disertakan dalam Penyerahan dan Memorandum Maklumat kepada Suruhanjaya Sekuriti.
- **Ejen Kemudahan**
Mengambil alih peranan Penasihat Utama/Pengatur Utama berikutan pelaksanaan dokumentasi perundangan. Ini termasuklah penyelarasan terbitan dengan pihak berkuasa dan para pelabur serta penyelarasan keseluruhan terbitan RMBS. Ejen Kemudahan berkenaan juga memantau dan menyelaras penyelenggaraan kesemua kewajipan pembiayaan terhadap RMBS tersebut terutamanya pembayaran faedah dan pokok.
- **Pengurus Utama Bersama**
Memberi maklumat kepada pasaran dan membantu memasarkan RMBS kepada pihak-pihak yang berpotensi untuk melabur.
- **Agensi Penarafan**
Menganalisis struktur penssekuritan, menaksir profil risiko kredit aset yang disekuritkan yang akan mempengaruhi penentuan harga RMBS, dan memberi penarafan kepada RMBS yang akan diterbitkan.
- **Pemegang Amanah**
Mewakili dan melindungi kepentingan dan hak para pelabur RMBS.
- **Pentadbir Urus Niaga dan Pentadbir**
Cagamas Berhad ialah Pentadbir Urus Niaga dan Pentadbir bagi urus niaga berkenaan. Dalam hal ini, Cagamas akan menerima data daripada Kerajaan dan menyediakan laporan suku tahunan kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam urus niaga tersebut.

PENERBITAN SEKURITI BERSANDARKAN GADAI JANJI KEDIAMAN

Portfolio pertama PPKK telah disekuritikan pada 20 Oktober 2004, melibatkan RM1,936 juta pinjaman perumahan pesara Kerajaan dan terbitan RMBS dengan nilai nominal RM1,555 juta. RMBS tersebut terdiri daripada empat tranche, seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 5:

JADUAL 5
Komposisi Terbitan RMBS

| Siri | Tempoh (Tahun) | Matang | Jumlah (RM juta) | Kadar Kupon (%) |
|------|----------------|-----------------|------------------|-----------------|
| 1 | 3 | 20 Oktober 2007 | 580 | 3.70 |
| 2 | 5 | 20 Oktober 2009 | 340 | 4.30 |
| 3 | 7 | 20 Oktober 2011 | 290 | 4.95 |
| 4 | 10 | 20 Oktober 2014 | 345 | 5.50 |

RMBS berkenaan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelabur tempatan dan luar negara iaitu sebanyak RM11.1 bilion dalam nilai buku. Daripada jumlah tersebut, RM2.2 bilion datang daripada pelabur luar pesisir dan RM8.9 bilion diterima daripada pelabur tempatan. Pada kadar takat, nilai buku kekal tinggi pada RM10.6 bilion memberikan lebih langganan sebanyak 5.6 kali. Para pelabur terdiri daripada institusi kewangan, kumpulan wang pencen, syarikat pengurusan aset, syarikat insurans dan perbadanan.

Terbitan tersebut telah mendapat penarafan tertinggi iaitu AAA daripada Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad. Penarafan tersebut mencerminkan:

- Rakan niaga yang teguh
Bahagian Pinjaman Perumahan, Kerajaan Malaysia selaku Penyelenggara akan terus mentadbir urus niaga pinjaman gadai janji berkenaan setelah penssekuritan tersebut dilaksanakan.
- RMBS bersandarkan aset berkualiti tinggi
Ansuran bulanan urus niaga ini akan ditolak daripada sumbernya iaitu wang pencen yang dibayar kepada pesara oleh Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Kerajaan. Ansuran bulanan urus niaga gadai janji tersebut akan diterima pada setiap suku tahun dan akan digunakan untuk membayar kupon dan pokok. Di samping itu, pinjaman tersebut juga dilindungi oleh Insurans Pemilik Rumah dan Insurans Gadai Janji Kadar Menurun (Mortgage Reducing Term Assurance - MRTA).

Pensekuritan PPKK tersebut merupakan urus janji pertama di Malaysia yang bersandarkan gadai janji kediaman. Kecemerlangan urus janji ini juga membolehkan Cagamas dianugerahi 'Best Local Currency Deal of the Year for 2004' (Urus Janji Matawang Tempatan Terbaik untuk Tahun 2004) daripada majalah Asiamoney dan untuk kategori 'Asset Triple A Regional Deals Awards for Best Local Currency Bond' (Aset AAA Anugerah Urus Janji Serantau untuk Bon Matawang Tempatan Terbaik) daripada majalah The Asset.

PERATURAN DARIPADA BANK NEGARA MALAYSIA

Bank Negara Malaysia telah memberikan peraturan pengawalseliaan berikut ke atas RMBS:

- Pegangan tranche kanan RMBS tersebut oleh institusi berlesen akan layak mendapat 20% risiko berwajaran di bawah rangka kerja Nisbah Modal Berwajaran Risiko dibandingkan dengan 100% risiko berwajaran untuk sekuriti hutang swasta bertaraf AAA yang biasa.

- Pegangan RMBS bawahan akan ditolak daripada modal.
- RMBS tersebut layak mendapat taraf aset mudah cair Kelas-2 sekiranya mendapat penarafan AAA oleh agensi penarafan yang diiktiraf. Untuk tujuan rangka kerja kecairan, diskaun 'jualan terpaksa' yang dikenakan ke atas RMBS adalah berdasarkan gelinciran kadar hasil sebanyak 6% dibandingkan dengan gelinciran kadar hasil sebanyak 10% untuk sekuriti hutang swasta bertaraf AAA yang biasa.
- Pegangan RMBS tersebut akan diagregatkan bersama kemudahan kredit lain yang diberikan kepada penerbit dalam mengira Had Kredit Pelanggan Tunggal.
- Pegangan RMBS oleh institusi berlesen dihadkan kepada jumlah maksimum sebanyak 20% bagi setiap terbitan untuk setiap tempoh berdasarkan jumlah yang diterbitkan bagi setiap kod stok atau Had Kredit Pelanggan Tunggal, mengikut jumlah yang lebih rendah.
- Terbitan primer RMBS tidak akan melalui rangkaian Peniaga Utama.
- Pegangan RMBS oleh syarikat insurans akan diberikan taraf aset bercagar.

MANFAAT YANG DIPEROLEHI DARIPADA URUS JANJI

Kepada Kerajaan

- Struktur yang lebih cekap dan berkesan dari segi kos kepada Kerajaan sepanjang tempoh pensekuritian akan memudahkan rancangan kewangan Kerajaan.
- Memberi pilihan nilai kepada Kerajaan untuk mengubah aset tidak cairnya yang agak besar kepada instrumen pasaran yang cair dan boleh didagangkan.
- Membantu Kerajaan membangunkan keluk kadar hasil untuk ABS.

Kepada Pelabur

- Kadar hasil yang lebih baik dibandingkan dengan instrumen kewangan lain yang mempunyai penarafan dan tempoh matang yang sama.
- Sekuriti dengan kualiti kredit yang tinggi. Urus niaga berkenaan dicagar oleh portfolio PPKK yang diselenggara melalui potongan bulanan wang pencen kakitangan sektor awam yang telah bersara.
- Kajian semula yang teliti dan pengawasan berterusan oleh agensi penarafan terhadap portfolio yang disekuritikan memberi keselesaan kepada para pelabur terhadap prestasi sekuriti tersebut.

Kepada Pasaran Modal

- Mempertingkatkan kedalaman serta kecekapan pasaran modal.
- Mewujudkan keluk kadar hasil untuk RMBS sebagai ukur rujuk kepada penerbit ABS lain untuk mengukur potensi paras harga aset mereka.
- Menggalakkan dagangan dan mewujudkan pasaran sekunder yang berdaya maju dan aktif.

sekuriti hutang cagamas

TERBITAN SEKURITI HUTANG CAGAMAS

Cagamas terus menjadi penerbit sekuriti hutang swasta yang aktif dalam tahun 2004. Terdapat sejumlah RM26,752 juta bon Cagamas yang belum ditebus pada akhir tahun 2004 dan ini merupakan 14.9% daripada sekuriti hutang swasta yang belum ditebus dalam pasaran.

Sepanjang tahun 2004, Syarikat ini telah menerbitkan 18 terbitan sekuriti hutang dengan nilai nominal berjumlah RM9,315 juta (termasuk lima pembukaan semula), dibandingkan dengan 33 terbitan berjumlah RM17,925 juta dalam tahun 2003. Daripada 18 terbitan tersebut, 11 melibatkan nilai muka berjumlah RM6,690 juta dalam bentuk bon berkadar tetap yang menyumbang sebanyak 71.8% daripada jumlah sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan dalam tahun 2004. Bakinya terdiri daripada lima terbitan Sanadat Cagamas (SC) berjumlah RM1,600 juta dan dua terbitan nota diskaun jangka pendek bernilai RM1,025 juta, masing-masing mewakili 17.2% dan 11% daripada jumlah sekuriti hutang baru yang diterbitkan sepanjang tahun. Sekuriti hutang baru iaitu SC yang berdasarkan prinsip Bai Bithaman Ajil, telah diterbitkan buat pertama kalinya oleh Syarikat ini pada 17 Ogos 2004, melibatkan nilai nominal RM1,000 juta. Keterangan lanjut mengenainya terdapat dalam Artikel Sekuriti Secara Islam Bithaman Ajil Cagamas (Bithaman Ajil Islamic Securities – BAIS).

Kesemua sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan dari bulan Januari hingga September 2004 ditawarkan melalui tender kepada Peniaga Utama. Peniaga Utama mengemukakan bida berjumlah RM26,152 juta yang mewakili kadar purata berwajaran lebihan langganan sebanyak 3.2 kali dibandingkan dengan jumlah sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan dalam tempoh tersebut. Berkuatkuasa dari 4 September 2004, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menyemak semula peraturan pengawalseliaan ke atas sekuriti hutang Cagamas. Pada 5 Oktober 2004, Syarikat ini telah berjaya buat pertama kalinya menerbitkan bon melalui proses binaan buku. Terbitan tersebut terdiri daripada RM200 juta SC 2 tahun dan RM400 juta SC 3 tahun. Untuk memenuhi keperluan pendanaan Syarikat ini, terbitan SC 3 tahun telah ditambah sebanyak RM100 juta daripada jumlah yang diumumkan iaitu RM300 juta. Jumlah permintaan yang diterima untuk terbitan SC tersebut adalah RM1,500 juta dan 19% daripadanya diterima daripada para pelabur institusi bukan kewangan. Kadar lebihan langganan untuk SC 2 dan 3 tahun adalah masing-masing sebanyak 2.1 dan 1.4 kali. Harga bagi SC 2 dan 3 tahun masing-masing adalah 3.25% dan 3.65% setahun, iaitu lebih kurang lima mata asas lebih tinggi daripada harga Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) untuk tempoh matang yang sama. Proses binaan buku berkenaan yang melibatkan penentuan harga dan pengagihan yang telus telah membolehkan Syarikat ini mendapatkan harga yang didorong oleh pasaran.

Sepanjang tahun 2004, Cagamas telah membuka semula lima bon berkadar tetap yang sedia ada berjumlah RM1,495 juta dengan baki tempoh matang di antara dua hingga lima tahun. Pembukaan semula tersebut membolehkan Syarikat ini memperbesarkan saiz terbitan yang sedia ada, seterusnya mempertingkatkan mudah tunai sekuriti hutang Cagamas dalam pasaran sekunder.

PENEBUSAN SEKURITI HUTANG CAGAMAS

Sejumlah RM9,066 juta sekuriti hutang Cagamas telah ditebus dalam tahun 2004 dibandingkan dengan RM16,392 juta dalam tahun 2003. Sekuriti hutang yang ditebus terdiri daripada RM7,022 juta bon berkadar tetap, RM1,900 juta nota diskaun jangka pendek dan RM144 juta Sanadat Mudharabah Cagamas (SMC).

SEKURITI HUTANG CAGAMAS BELUM TEBUS

Nilai nominal sekuriti hutang Cagamas yang belum ditebus pada akhir tahun 2004 berjumlah RM26,752 juta dibandingkan dengan RM26,503 juta pada akhir tahun 2003. Bon berkadar tetap yang berjumlah RM24,222 juta atau 90.5% adalah bahagian terbesar daripada jumlah sekuriti hutang yang belum ditebus. Sejumlah RM1,600 juta atau 6% SC dan RM930 juta atau 3.5% SMC melengkapkan baki sekuriti hutang Cagamas yang belum ditebus.

URUS NIAGA PASARAN

Jumlah dagangan sekuriti hutang Cagamas dalam pasaran sekunder meningkat sebanyak 3.1% daripada RM41.7 bilion pada tahun 2003 kepada RM43 bilion pada tahun 2004. Pada suku pertama 2004, jumlah sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan dalam pasaran sekunder melonjak daripada RM8.5 bilion pada tahun 2003 kepada RM19.4 bilion disebabkan oleh terbitan besar sekuriti hutang berjumlah RM3.2 billion dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, memandangkan kepada pembelian pinjaman dan hutang yang lembap pada suku kedua dan ketiga, sekuriti hutang

Cagamas yang diterbitkan adalah dalam jumlah yang lebih kecil. Oleh itu, jumlah sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan dalam tempoh tersebut menurun sebanyak 36.1% kepada RM15.1 bilion dibandingkan dengan RM23.6 bilion pada tempoh yang sama tahun 2003. Pada suku keempat, jumlah sekuriti hutang Cagamas yang didagangkan dalam pasaran sekunder menurun lagi kepada RM8.5 bilion dibandingkan dengan RM9.6 bilion pada tempoh yang sama tahun 2003. Penurunan ini disebabkan oleh terbitan sekuriti hutang Cagamas yang lebih kecil berjumlah hanya RM600 juta.


Selain daripada sekuriti hutang Cagamas, instrumen hutang utama yang didagangkan dalam pasaran sekunder terdiri daripada SKM, Bil Perbendaharaan, Instrumen Simpanan Boleh Niaga, Penerimaan Jurubank dan Bil Negara Malaysia. Antara instrumen utama tersebut, sekuriti hutang Cagamas menyumbang sebanyak 10.5% daripada jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder dalam tahun 2004 dibandingkan dengan 9.6% dalam tahun 2003.

KADAR HASIL BAGI SEKURITI HUTANG CAGAMAS

Kadar hasil bagi bon Cagamas 3 tahun adalah stabil dalam empat bulan pertama tahun 2004. Walau bagaimanapun, kadar hasil bon tersebut melonjak dalam bulan Mei dan Jun 2004 sebelum menurun pada akhir tahun seperti yang ditunjukkan di dalam Carta 2. Pada suku pertama 2004, kadar hasil bagi bon Cagamas 3 tahun berada pada sekitar 3.48%. Ini disebabkan oleh tanggapan umum bahawa Kerajaan akan terus mengekalkan dasar kadar faedah yang rendah. Pada pertengahan suku kedua, kadar hasil bon berkenaan adalah kukuh walaupun terdapat lebih mudah tunai yang berterusan dalam pasaran. Kadar hasil bagi bon Cagamas 3 tahun meningkat secara mendadak sebanyak 35 mata asas pada suku kedua iaitu daripada 3.48% pada awal suku pertama kepada 3.83% pada akhir suku kedua. Ini disebabkan oleh terbitan sekuriti Kerajaan yang lebih besar daripada yang dijangkakan dan penjualan SKM yang berpunca daripada jangkaan tentang peningkatan kadar faedah, selaras dengan prospek ekonomi yang lebih baik. Pada suku ketiga, kadar hasil bagi bon Cagamas 3 tahun mula menurun disebabkan oleh keyakinan para pelabur bahawa kadar faedah tidak akan dinaikkan dalam waktu terdekat. Penemuan beberapa kes selsema burung di rantau ini juga mempercepatkan penurunan kadar hasil bon. Kadar hasil bagi bon Cagamas 3 tahun terus menurun daripada 3.65% pada akhir suku ketiga kepada 3.35% pada 31 Disember 2004 di sebalik semakan semula peraturan pengawalseliaan oleh BNM untuk sekuriti hutang Cagamas pada suku keempat. Penurunan mendadak ini disebabkan terutamanya oleh aliran masuk dana spekulatif asing yang didorong oleh jangkaan tentang perubahan ke atas tambatan mata wang Ringgit Malaysia.

CARTA 2

Perbezaan Kadar Hasil di antara Bon Cagamas dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia 3 Tahun



Sepanjang tahun dalam tinjauan, perbezaan kadar hasil antara bon Cagamas dan SKM 3 tahun dalam pasaran sekunder adalah di antara lapan hingga 24 mata asas, seperti yang ditunjukkan dalam Carta. Pada suku pertama, perbezaan kadar hasil adalah stabil secara amnya iaitu di antara 19 hingga 23 mata asas tetapi menurun kepada 12 mata asas pada suku kedua disebabkan oleh keadaan pasaran bon yang tidak menentu. Perbezaan kadar hasil tersebut terus menurun di antara lapan hingga 10 mata asas pada suku ketiga disebabkan oleh permintaan yang tinggi untuk sekuriti berkualiti yang berkadar hasil tinggi. Walau bagaimanapun, perbezaan tersebut meningkat pada suku akhir tahun 2004 kepada 24 mata asas disebabkan oleh penerbitan kecil bon Cagamas berjumlah RM600 juta dibandingkan dengan RM7,000 juta SKM sepanjang tempoh berkenaan.

PEMEGANG SEKURITI HUTANG CAGAMAS

Pemegang sekuriti hutang Cagamas pada akhir Disember 2004 adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 6.

JADUAL 6

Taburan Pemegang Sekuriti Hutang Cagamas

| Pemegang | 2004 | | 2003 | |
|-----------------------------------|---------------|--------------|---------------|--------------|
| | RM juta | % | RM juta | % |
| Institusi Perbankan | 15,207 | 56.8 | 15,648 | 59.0 |
| Syarikat Insurans | 1,189 | 4.5 | 2,442 | 9.2 |
| Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen | 7,129 | 26.6 | 7,700 | 29.1 |
| Pelabur-pelabur lain | 3,227 | 12.1 | 713 | 2.7 |
| Jumlah | 26,752 | 100.0 | 26,503 | 100.0 |

Pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh institusi perbankan telah menurun kepada 56.8% pada 31 Disember 2004 daripada 59% pada akhir 2003. Sebaliknya, pemegangan oleh institusi bukan perbankan telah meningkat daripada 41% pada tahun 2003 kepada 43.2% pada akhir 2004. Peningkatan pemegangan sekuriti hutang Cagamas oleh institusi bukan perbankan mencerminkan peningkatan permintaan untuk sekuriti berkualiti yang berkadar hasil tinggi. Dalam pada itu, pemegangan oleh kumpulan wang simpanan dan pencen telah menurun daripada 29.1% kepada 26.6% disebabkan oleh penawaran yang tinggi bagi sekuriti berkualiti yang berjangka panjang yang memberikan peluang pelaburan lain kepada kumpulan tersebut.

PENYEMAKAN SEMULA PERATURAN PENGAWALSALIAAN UNTUK SEKURITI HUTANG CAGAMAS

Cagamas telah ditubuhkan pada tahun 1986 hasil daripada inisiatif yang diambil oleh BNM, untuk menyokong dasar pemilikan rumah negara dan mempelopori pembangunan pasaran sekuriti hutang swasta di Malaysia. Peraturan pengawalseliaan yang diberikan pada awalnya kepada sekuriti hutang Cagamas telah bertindak sebagai pemangkin untuk memulakan pembangunan pasaran tersebut. Dengan sokongan yang diterima daripada BNM, termasuk peraturan pengawalseliaan tersebut, Syarikat ini telah berjaya meletakkan dirinya sebagai pemain utama dalam pasaran modal dan bertambah kukuh dari semasa ke semasa di sepanjang 17 tahun penubuhannya. Di samping itu, pasaran sekuriti hutang swasta tempatan juga telah menunjukkan kemajuan yang membanggakan dengan beberapa sorotan penting seperti gabungan pengawalseliaan, pengenalan Pelan Induk Pasaran Modal dan pengenalan pensukuritian aset.

Untuk mempertingkatkan kecekapan fungsi pasaran modal, pada 3 September 2004, BNM telah menyemak semula peraturan pengawalseliaan untuk sekuriti hutang tidak bercagar Cagamas. Semakan semula ini merangkumi pengelasan semula terbitan akan datang sekuriti hutang tidak bercagar Cagamas daripada Kelas-1 kepada Kelas-2 aset mudah tunai dan penghapusan kewajipan ke atas Peniaga Utama untuk membida sekuriti tersebut. Walau bagaimanapun, semakan semula peraturan pengawalseliaan tersebut hanyalah dikenakan ke atas sekuriti hutang Cagamas yang diterbitkan mulai dari 4 September 2004. Peraturan pengawalseliaan untuk sekuriti hutang yang diterbitkan sebelum tarikh tersebut akan terus dikekalkan sehingga sekuriti tersebut ditebus sepenuhnya.

Penyemakan semula peraturan pengawalseliaan untuk sekuriti hutang tidak bercagar Cagamas mencerminkan pengiktirafan BNM terhadap kematangan Cagamas dan keyakinannya terhadap kemampuan Syarikat ini untuk terus memainkan peranan utamanya dengan lebih bersaing dalam membangunkan pasaran modal. Ini selaras dengan liberalisasi pasaran kewangan dan modal yang sedang berlaku ketika ini. Penyemakan semula ini pastinya menjanjikan sesuatu yang lebih menarik dan mencabar buat Cagamas.

JADUAL 7

Perbandingan antara Peraturan Pengawalseliaan yang Sedia ada dan yang Disemak Semula untuk Sekuriti Hutang Cagamas

| | Sedia Ada | Semakan |
|---|------------------------------------|--|
| Risiko wajaran di bawah rangka kerja Nisbah Modal Berwajaran Risiko | 10% | 20% |
| Status aset mudah tunai di bawah rangka kerja mudah tunai | Kelas-1 aset mudah tunai | Kelas-2 aset mudah tunai |
| Gelinciran kadar hasil di bawah rangka kerja mudah tunai | 4% | 6% |
| Had Kredit Pelanggan Tunggal (Single Customer Credit Limit – SCCL) | Dikecualikan daripada SCCL | Tertakluk kepada SCCL iaitu 35% daripada jumlah dana modal |
| Mod terbitan primer | Melalui rangkaian Peniaga Utama | Tidak melalui rangkaian Peniaga Utama |
| Pegangan oleh syarikat insurans | Diberi status aset berisiko rendah | Diberi status kemudahan kredit |

PENERBITAN SEKURITI BERSANDARKAN GADAIJANJI KEDIAMAN

Pada 20 Oktober 2004, Cagamas telah menubuhkan sebuah syarikat tujuan khas iaitu Cagamas MBS Berhad (CMBS), anak syarikat milik penuh Cagamas. CMBS telah menerbitkan Sekuriti Bersandarkan Gadaijanji Kediaman (Residential Mortgage-Backed Securities - RMBS) yang pertama berjumlah RM1,555 juta dalam nilai nominal untuk tempoh 3, 5, 7 dan 10 tahun. Penerbitan tersebut melibatkan pembelian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan Malaysia (Kerajaan) tanpa rekursa. Penerbitan tersebut telah berjaya menarik RM11,100 juta nilai buku dengan bidaan yang baik daripada para pelabur yang terdiri daripada institusi perbankan, pengurus aset, syarikat insurans dan badan korporat. Para pelabur asing di Hong Kong dan Singapura menunjukkan minat yang menggalakkan dalam terbitan RMBS tersebut dengan jumlah sebanyak RM2,200 juta sementara bakinya sebanyak RM8,900 juta diterima daripada institusi di dalam negeri.

Sambutan hangat yang diterima telah membolehkan terbitan tersebut ditetapkan pada harga yang bersaing di sekitar lingkungan rendah panduan harga 3.70%, 4.30%, 4.95% dan 5.50% setahun untuk empat tempoh iaitu 3, 5, 7 dan 10 tahun. Harga tersebut masing-masing adalah 18, 26, 38 dan 45 mata asas lebih tinggi daripada SKM untuk tempoh matang yang sama seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 8. Pada harga berkenaan, nilai buku kekal tinggi pada RM10,551 juta dengan kadar lebihan langganan sebanyak 5.6 kali.

JADUAL 8

Perbezaan antara RMBS dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia pada Tarikh Terbitan

| Tempoh (Tahun) | Tarikh Terbitan | Jumlah Terbitan (RM Juta) | Tarikh Matang | Kupon (%) | Perbezaan dengan SKM (Mata Asas) |
|----------------|-----------------|---------------------------|---------------|-----------|----------------------------------|
| 3 | 20 Okt 04 | 580 | 19 Okt 07 | 3.70 | 18 |
| 5 | 20 Okt 04 | 340 | 20 Okt 09 | 4.30 | 26 |
| 7 | 20 Okt 04 | 290 | 20 Okt 11 | 4.95 | 38 |
| 10 | 20 Okt 04 | 345 | 20 Okt 14 | 5.50 | 45 |

Semenjak ia diterbitkan, kadar hasil RMBS tersebut telah menurun disebabkan oleh permintaan yang baik untuk sekuriti berkenaan dalam pasaran sekunder. Berdasarkan dagangan akhir yang dilaksanakan, kadar hasil RMBS, masing-masing untuk tempoh 3, 5, 7 dan 10 tahun telah berkurangan sebanyak 23, 15, 40 dan 50 mata asas. Ringkasan tentang kadar hasil dan jumlah dagangan RMBS sehingga 31 Disember 2004 adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 9.

JADUAL 9

Perbezaan antara Kadar Hasil Premier dan Sekunder bagi RMBS

| Tempoh (Tahun) | Kadar Hasil Premier (% setahun) | Kadar Hasil Sekunder (% setahun) | Jumlah (RM Juta) |
|----------------|---------------------------------|----------------------------------|------------------|
| 3 | 3.70 | 3.40 – 3.70 | 154 |
| 5 | 4.30 | 3.95 – 4.30 | 141 |
| 7 | 4.95 | 4.52 – 4.95 | 152 |
| 10 | 5.50 | 5.00 – 5.50 | 8 |

Sumber: BIDS

RMBS 3 tahun didapati paling aktif didagangkan dalam pasaran sekunder disebabkan oleh kadar hasil yang tinggi dibandingkan dengan SKM. RMBS 10 tahun pula paling kurang didagangkan kerana hampir kesemuanya dipegang untuk tujuan pelaburan.

Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad telah memberikan penarafan tertinggi iaitu AAA kepada RMBS tersebut. Penarafan ini mencerminkan kualiti aset yang lebih tinggi, rakan niaga yang kukuh dan kebolehpercayaan struktur RMBS. Dalam struktur berkenaan, sumber pembayaran untuk aset tersebut diperoleh daripada potongan wang pencen oleh Kerajaan.

PROSPEK KESELURUHAN

Dalam tahun 2004, Cagamas masih terus menerima permintaan yang tinggi untuk terbitannya dalam pasaran primer. Ini dapat dilihat daripada kadar purata wajaran lebihan langganan iaitu 2.75 kali untuk nota Cagamas dan 3.21 kali untuk bon Cagamas. Terbitan berjumlah RM9,315 juta dalam tahun 2004 membuktikan keupayaan Syarikat ini dalam mengekalkan kedudukannya sebagai penerbit terbesar sekuriti hutang swasta. Untuk tahun 2005, Syarikat ini akan melaksanakan strategi pemasaran bon Cagamas yang lebih proaktif bagi menghadapi persekitaran yang lebih mencabar dan bersaing, hasil daripada semakan semula peraturan pengawalseliaan untuk sekuriti hutangnya pada tahun 2004.

sekuriti secara Islam Bithaman Ajil Cagamas (BAIS)

L A T A R B E L A K A N G

Cagamas telah menerbitkan Sanadat Mudharabah Cagamas (SMC) buat pertama kali pada bulan Mac 1994 untuk membiayai pembelian hutang pembiayaan rumah dan hutang sewa beli secara Islam daripada institusi perbankan Islam (IPI) dan badan korporat terpilih. SMC diterbitkan berdasarkan prinsip Mudharabah (perkongsiang untung) iaitu pulangan dari SMC tidak ditetapkan tetapi dikongsi berdasarkan nisbah perkongsiang untung yang telah ditetapkan.


Untuk menggalakkan peningkatan pemahaman terhadap operasi secara Islam Cagamas dan mendapatkan maklum balas mengenai dagangan dan ciri-ciri semasa SMC di samping insentif dan konsesi pengawalseliaan yang mungkin diberikan kepada SMC, Syarikat ini telah mengadakan dua bengkel untuk para peserta pasaran. Para peserta berpendapat bahawa SMC tidak popular disebabkan oleh kadar pulangnya yang tidak menentu. Ini mengakibatkan para pelabur meletakkan harga yang lebih tinggi bagi SMC dibandingkan dengan bon konvensional Cagamas. Oleh itu, para peserta mencadangkan agar Cagamas menerbitkan sekuriti hutang secara Islam berdasarkan prinsip Bai Bithaman Ajil (BBA) yang membolehkan pembayaran kupon yang tetap kepada para pelabur.

C I R I - C I R I P R O D U K B A R U

Setelah melakukan kajian kemungkinan ke atas cadangan tersebut, Syarikat ini telah mengambil keputusan untuk menerima pakai prinsip BBA bagi penerbitan sekuriti hutang secara Islam bagi membiayai pembelian hutang secara Islamnya. Kaedah pendanaan baru ini memerlukan Syarikat ini menjual dan membeli balik aset yang dibenarkan dari segi Syariah seperti Pelaburan Mudharabah Antara Bank (Mudharabah Interbank Investment - MII). Aset yang dibenarkan ini akan dijual kepada para pelabur dan dibeli balik pada hari yang sama pada harga yang lebih tinggi dan secara bayaran tertangguh. Sebagai membuktikan kewajipan bayaran tertangguh tersebut, Cagamas menerbitkan sekuriti hutang secara Islam yang dikenali sebagai Sanadat Cagamas kepada para pelabur.

Penerbitan sulung Sanadat Cagamas telah dibuat pada bulan Ogos 2004. Walau bagaimanapun, Sanadat Cagamas kini dikenali sebagai Cagamas BAIS memandangkan ungkapan Sanadat merujuk kepada bon konvensional dalam sistem kewangan di Timur Tengah.

C A R T A 3 Proses Penerbitan Cagamas BAIS



Carta 3 menunjukkan proses yang terlibat dalam penerbitan Cagamas BAIS:

1. Cagamas menjual aset yang dibenarkan kepada para pelabur secara tunai berdasarkan prinsip BBA.
2. Agensi penarafan akan memberi penarafan kepada Cagamas BAIS yang akan diterbitkan untuk membiayai pembelian terimaan secara Islam daripada IPI.
3. Cagamas membeli balik aset yang dibenarkan daripada para pelabur pada harga yang lebih tinggi. Harga belian ini merangkumi terbitan bon primer dan kesemua bon sekunder (kupon tetap) yang berkaitan. Pembayaran harga jualan oleh Cagamas ditangguh mengikut jadual pembayaran. Untuk membuktikan kewajipan bayaran tertangguh oleh Cagamas kepada para pelabur, Cagamas BAIS akan diterbitkan kepada para pelabur.
4. IPI menjual terimaan secara Islamnya kepada Cagamas berdasarkan prinsip Bai Al-Dayn. IPI akan membayar Cagamas ansuran bulanan yang diterima daripada para pelanggan setelah ditolak fi penyelenggaraan bulanan yang dibayar kepada IPI.
5. Hasil jualan yang diterima daripada penjualan aset yang dibenarkan digunakan untuk membiayai pembelian terimaan secara Islam daripada IPI.

STATUS CAGAMAS BAIS

- Cagamas BAIS merupakan kewajipan langsung dan tak bercagar yang setaraf dengan kesemua keterhutangan belum tebus tak bercagar Syarikat ini, dan bertaraf *pari passu* tanpa sebarang keutamaan antaranya.
- Pemegangan Cagamas BAIS layak mendapat 20% wajaran risiko di bawah rangka kerja Nisbah Modal Berwajaran Risiko untuk institusi kewangan.
- Dagangan sekunder Cagamas BAIS akan diambil kira dalam matriks penilaian bagi para Peniaga Utama.
- Cagamas BAIS dikelaskan sebagai aset mudah tunai Kelas-2 dengan 6% gelinciran kadar hasil.
- Pemegangan Cagamas BAIS oleh syarikat insurans dikelaskan sebagai 'Kemudahan Kredit' dan tertakluk kepada had maksimum sebanyak 20% daripada Margin Mampu Bayar syarikat insurans.

MANFAAT DARIPADA CAGAMAS BAIS

- Struktur BBA membolehkan pulangan tetap diberikan dan telah mendapat sambutan yang baik daripada para pelabur. Memandangkan kepada permintaan yang tinggi terhadap sekuriti Islam berkadar tetap, kadar hasil yang diperolehi oleh Cagamas BAIS adalah lebih rendah daripada bon konvensional Cagamas bagi tempoh yang sama. Kesan positif daripada penentuan harga bagi BAIS telah membolehkan Syarikat ini mendapatkan dana kos rendah untuk disalurkan kepada IPI.
- Kemudahan tersebut menjadi alat untuk IPI mengurangkan ketakpadanan kematangan pendanaan memandangkan IPI kini boleh mendapatkan dana jangka sederhana dan panjang untuk dipadankan dengan kematangan aset secara Islamnya. Tidak seperti Akaun Pelaburan Khas (Special Investment Account – SIA) atau Akaun Pelaburan Am (General Investment Account – GIA) yang pada dasarnya merupakan instrumen jangka pendek yang ditebus sepenuhnya apabila matang, Cagamas BAIS boleh distruktur untuk dipadankan dengan tempoh hutang secara Islam yang dibeli daripada IPI.



terjamin

penyata

urus tadbir korporat

Lembaga Pengarah Cagamas adalah komited dalam memastikan Syarikat ini mengamalkan piawai tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya Syarikat ini melaksanakan urusannya dengan penuh integriti dan profesionalisme. Ia bertujuan untuk melindungi dan menambah nilai para pemegang syer dan prestasi kewangan Syarikat ini, serta menyumbang kepada pembangunan pasaran bon yang sihat.

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa Syarikat ini telah menerima-pakai prinsip dan amalan terbaik bagi Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (Kod) seperti yang dinyatakan di bawah.

I . L E M B A G A P E N G A R A H

I.1 Komposisi

Pada 31 Disember 2004, Lembaga Pengarah dianggotai oleh 11 Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Ketua Eksekutif atau Pengarah institusi kewangan terpilih yang dicalonkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia, Persatuan Bank-bank Saudagar dalam Malaysia (yang selepas ini dirujuk sebagai Persatuan) dan Lembaga Pengarah.

Berdasarkan penjelasan umum Kod ini, para pengarah Cagamas adalah dianggap bebas kerana kesemuanya bebas daripada pengurusan Syarikat ini dan tidak terbabit dalam urusan harian Syarikat ini. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Syarikat ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau perseorangan, yang menguasai perbincangan atau mempengaruhi keputusan Lembaga Pengarah. Para Pengarah memberikan pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Keberkesanan Lembaga Pengarah dalam menerajui dan mengawal Syarikat ini adalah disebabkan oleh kepelbagaian serta keluasan pengalaman para Pengarah dalam produk dan pasaran kewangan. Para Pengarah mempunyai pelbagai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perbankan, pasaran modal, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat dan pengurusan kewangan dan risiko. Cagamas telah ditubuhkan untuk menggalakkan pasaran gadaai janji sekunder, dan memperluas dan memperdalamkan lagi pasaran sekuriti hutang dalam negeri. Gabungan wakil-wakil daripada BNM dan institusi kewangan memastikan bahawa Syarikat ini memainkan peranan yang berkesan dalam menggalakkan pasaran bon, pada masa yang sama merangsang Syarikat ini untuk terus membuat keuntungan bagi mendapatkan kepercayaan pasaran di kalangan para pelabur dan pemegang syernya.

Lembaga Pengarah telah menggariskan bidang rujukan untuk Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan penugasan kuasa dan penetapan lingkungan skop dan tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif. Pengerusi mengetuai perbincangan mengenai strategi keseluruhan, dasar dan pengendalian perniagaan Syarikat ini. Ketua Pegawai Eksekutif pula bertanggungjawab untuk melaksanakan strategi dan dasar berkenaan serta menjalankan urusan harian perniagaan Syarikat ini.

I.2 Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi perniagaan Syarikat ini dengan menyemak dan meluluskan rancangan perniagaan strategik tahunan dan belanjawan tahunan Syarikat ini. Laporan terkini tentang operasi utama Syarikat ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan pada setiap mesyuarat.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa terdapat penyeliaan yang sewajarnya ke atas pengurusan risiko dalam Syarikat ini. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah telah ditubuhkan untuk mengawasi pembangunan strategi pengurusan risiko, dasar, tatacara dan infrastruktur. Ianya bertujuan untuk menaksir, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan terhadap pelbagai risiko.

Lembaga Pengarah juga meluluskan pelantikan dan penggantian kakitangan pengurusan kanan dan menyemak prestasi serta ganjaran mereka berdasarkan saranan daripada Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah adalah komited kepada ketelusan dan berusaha untuk mengelak daripada sebarang keadaan yang membabitkan sengketa kepentingan yang timbul daripada urusan niaga yang mungkin menimbulkan persoalan atau keraguan terhadap keutuhan keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.

2 . M E S Y U A R A T L E M B A G A P E N G A R A H

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak lapan kali untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan Syarikat ini, profil risiko, rancangan perniagaan, isu-isu strategik lain yang mempengaruhi perniagaan Syarikat ini dan isu-isu berkenaan anak syarikatnya iaitu Cagamas MBS Berhad. Butiran terperinci tentang kehadiran para Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun 2004 dinyatakan pada muka surat 5 di dalam Laporan Tahunan ini.

Laporan terkini mengenai operasi, kewangan dan perkembangan korporat akan terlebih dahulu dihantar kepada para Pengarah untuk memberi mereka masa yang secukupnya untuk mengkaji perkara yang akan dibincangkan dalam mesyuarat.

Kesemua Jawatankuasa Lembaga Pengarah juga berhak mendapatkan khidmat nasihat ahli profesional bebas yang akan ditanggung oleh Syarikat ini sekiranya perlu. Kesemua Pengarah boleh mendapatkan nasihat daripada pengurusan kanan dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa tatacara Lembaga Pengarah diikuti dan kesemua peraturan yang berkaitan dipatuhi.

3 . P E L A N T I K A N D A N P E M I L I H A N S E M U L A P E N G A R A H

Sebahagian besar daripada Pengarah dicalonkan sebagai ahli Lembaga Pengarah oleh BNM dan Persatuan. Pencalonan ini kemudiannya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Lembaga Pengarah juga boleh mencalonkan sesiapa sahaja, yang pada kebiasaannya terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah institusi kewangan, sebagai ahli Lembaga Pengarah. Memandangkan pencalonan yang dibuat oleh BNM dan Persatuan adalah berasas dan tatacara yang sedia ada adalah mencukupi, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sebuah jawatankuasa pencalonan tidak perlu ditubuhkan untuk mencalonkan ahli Lembaga Pengarah.

Penilaian tahunan bagi para Pengarah tidak dilakukan oleh Cagamas kerana para Pengarah yang mewakili Persatuan tersebut adalah merupakan Ketua Eksekutif atau Pengarah institusi kewangan yang berada di bawah penyeliaan dan penilaian berkala oleh BNM.

Mengikut Tataurusan Persatuan Syarikat ini, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat dan mereka boleh menawarkan diri untuk pelantikan semula. Tataurusan berkenaan juga menyatakan bahawa para Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun adalah tertakluk kepada pelantikan oleh para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang selepas pelantikan mereka.

4 . LATIHAN PENGARAH

Sebahagian besar daripada para Pengarah adalah merupakan Pengarah syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti program latihan bertauliah Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities) seperti yang disyaratkan di bawah garis panduan Bursa Securities berkaitan dengan latihan Pengarah. Para Pengarah juga akan sentiasa dimaklumkan tentang undang-undang dan peraturan baru yang berkaitan pada mesyuarat Lembaga Pengarah.

5 . GANJARAN PENGARAH

Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran untuk setiap Pengarah berdasarkan saranan daripada Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah. Ganjaran Pengarah adalah berdasarkan peranan mereka dalam Lembaga Pengarah. Pengerusi adalah berkecuali semasa perbincangan mengenai ganjaran Pengerusi diadakan.

Fi tahunan Pengarah, yang telah disemak dan diluluskan oleh para pemegang syer pada Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu, adalah sebanyak RM7,000 setahun untuk setiap Pengarah dan RM10,000 setahun untuk Pengerusi. Para Pengarah juga dibayar elaun mesyuarat sebanyak RM500 untuk setiap mesyuarat yang dihadiri. Jumlah ganjaran yang akan dibayar kepada para Pengarah adalah sebanyak RM160,000. Ini merangkumi fi Pengarah sebanyak RM95,000 dan elaun mesyuarat sebanyak RM65,000.

6 . JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Dalam melaksanakan tugas mereka, Lembaga Pengarah dibantu oleh lima Jawatankuasa Lembaga Pengarah, yang berfungsi mengikut bidang rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Kewangan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah, dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah ke atas semua perkara sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah yang seterusnya diadakan. Jawatankuasa yang lain ditugaskan untuk mengkaji isu-isu tertentu dan diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk sama ada meluluskan cadangan pihak pengurusan atau membentangkan kepada Lembaga Pengarah saranan-saranan mereka kepada Lembaga Pengarah untuk diputuskan secara muktamad.

7 . HUBUNGAN DENGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI DENGAN PARA PEMEGANG SYER

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan tepat pada masanya dengan kesemua pemegang syer dan pelabur. Strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk-produk baru Syarikat ini dimaklumkan kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat-surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, dan pemberi maklumat yang lain seperti Bloomberg dan Reuters. Mesyuarat Agung Tahunan masih merupakan forum utama untuk mengadakan dialog dengan para pemegang syer. Pada Mesyuarat tersebut, Pengerusi melaporkan prestasi Syarikat ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk membuat sebarang pertanyaan dan mendapatkan penjelasan berkenaan perniagaan dan prestasi Syarikat ini.

Syarikat juga menerbitkan keputusan kewangan setengah tahun dan tahunan, dan menyebarkan siaran akhbar mengenai kegiatan penerbitan sekuriti hutangnya di dalam akhbar-akhbar utama dan perkhidmatan talian. Syarikat ini juga mengendalikan sebuah laman web beralamat www.cagamas.com.my yang menyediakan maklumat menyeluruh yang terkini mengenai produk, kadar Cagamas dan operasi Syarikat ini.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa Pengarah kanan bebas bukan eksekutif tidak perlu dilantik memandangkan kesemua pemegang syer Syarikat ini diwakili oleh Persatuan yang mencalonkan Pengarah ke Lembaga Pengarah dan oleh itu sebarang kemusykilan oleh para pemegang syer boleh dimaklumkan melalui Persatuan masing-masing. Para pemegang syer Syarikat ini diwakili oleh dua orang Pengarah daripada BNM, empat orang Pengarah yang dicalonkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia, seorang Pengarah dicalonkan oleh Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan Malaysia, seorang Pengarah yang dicalonkan oleh Persatuan Bank-bank Saudagar dalam Malaysia, dan tiga orang Pengarah daripada bank asing yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah.

8 . KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

8.1 Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah berazam untuk membuat penaksiran yang seimbang terhadap kedudukan kewangan dan prospek Syarikat ini di dalam penyata kewangan tahunannya kepada para pemegang syer dan pelabur.

Mengikut Akta Syarikat, 1965, para Pengarah dikehendaki menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang memberi gambaran yang sebenar dan saksama mengenai kedudukan Syarikat ini. Selepas perbincangan dengan Juruaudit Luar, para Pengarah menentukan dan mengisytiharkan bahawa dalam menyediakan penyata kewangan berkenaan, Syarikat ini telah menggunakan dasar perakaunan yang sewajarnya yang diterima pakai dengan konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah, dan kesemua piawai perakaunan yang dianggap perlu diterima pakai telah dipatuhi.

8.2 Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat ini diterangkan pada muka surat 62 di dalam Laporan Tahunan ini.

8.3 Hubungan dengan Juruaudit

Laporan tentang peranan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah ke atas Juruaudit Dalaman dan Luar diterangkan pada muka surat 58 ke 61 di dalam Laporan Tahunan ini.

Syarikat ini telah mewujudkan hubungan yang telus dan profesional dengan Juruaudit Dalaman dan Luar Syarikat ini melalui Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah. Juruaudit Luar Syarikat telah menghadiri dua mesyuarat pada tahun ini untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 dan setengah tahun berakhir 30 Jun 2004.

Ganjaran Juruaudit dinyatakan pada muka surat 144 di dalam Laporan Tahunan ini.

laporan

jawatankuasa audit lembaga pengarah

I. AHLI-AHLI

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (Jawatankuasa) terdiri daripada:

- Dato' Tan Teong Hean (Pengerusi)
- Encik Zarir Jal Cama
- YM Tunku Afwida Tunku A. Malek

Berdasarkan penerangan umum dalam Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, kesemua ahli Jawatankuasa ini merupakan Pengarah bukan eksekutif bebas memandangkan mereka tidak terbabit dalam urusan harian Syarikat ini serta bebas daripada pihak pengurusan. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Syarikat ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai perbincangan atau mempengaruhi Jawatankuasa ini dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah berpeluang memberi pandangan bebas mereka untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

2. BIDANG RUJUKAN

2.1 Bidang Kuasa

- (a) Jawatankuasa ini tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktivitinya, dan mereka bebas bertemu dengan Juruaudit Dalaman dan Luar, dan pihak pengurusan Syarikat ini.
- (b) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli profesional luar serta menjemput pihak luaran yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya perlu.
- (c) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa ini berhak mengarahkan kesemua kakitangan Syarikat ini untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

2.2 Saiz dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang secara majoritinya merupakan Pengarah bebas.
- (b) Sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga orang dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga bulan.
- (c) Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah melantik seorang Pengerusi, yang merupakan Pengarah bebas, dari kalangan mereka sendiri.
- (d) Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa ini:
 - (i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants - MIA); atau
 - (ii) jika beliau bukan merupakan seorang ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:
 - beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau
 - beliau mestilah merupakan ahli salah satu daripada persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967.

- (e) Kesemua ahli Jawatankuasa ini hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pendapat Lembaga Pengarah, akan mempengaruhi ahli tersebut dalam memberikan pendapat yang bebas ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli Jawatankuasa ini.

2.3 Mesyuarat

- (a) Mesyuarat hendaklah diadakan sekali pada setiap suku tahun atau pada sebarang kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi. Jawatankuasa ini boleh menjemput sesiapa sahaja untuk hadir bagi membantunya dalam membuat pertimbangan.
- (b) Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Pengurus Kanan dan Ketua Juruaudit Dalaman pada kebiasaannya akan menghadiri kesemua mesyuarat yang diadakan. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat dengan Juruaudit Luar sekurang-kurangnya sekali dalam setahun tanpa kehadiran pihak pengurusan.
- (c) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.
- (d) Ketua Juruaudit Dalaman merupakan Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

2.4 Tugas dan Tanggungjawab

- (a) Menyemak penyata kewangan setengah tahun dan tahunan Syarikat ini sebelum ia diserahkan kepada Lembaga Pengarah. Ini bertujuan untuk memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasan yang dicadangkan oleh Juruaudit Luar. Ini termasuk:
 - (i) Menyemak laporan juruaudit dan memastikan sebarang pembatasan (jika ada) dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya supaya tidak timbul sebarang keraguan dalam audit yang akan datang;
 - (ii) Perubahan ketara dan penyelarasan dalam pembentangan penyata kewangan;
 - (iii) Perubahan besar dalam dasar dan prinsip perakaunan;
 - (iv) Pematuhan piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
 - (v) Keadaan turun naik yang matan dalam penyata baki;
 - (vi) Laporan kewangan interim dan pengisytiharan awal;
 - (vii) Perubahan ketara dalam skop audit; dan
 - (viii) Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.
- (b) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalaman, termasuk:
 - (i) Pematuhan piawai Audit Dalaman, kawalan dalaman Syarikat ini, dasar, dan keperluan undang-undang yang lain;
 - (ii) Kecukupan dasar dan tatacara serta kawalan dalaman yang sedia ada;
 - (iii) Koordinasi antara Juruaudit Dalaman dan Luar;
 - (iv) Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme dalam menjalankan tugas Audit Dalaman;
 - (v) Sekatan yang dikenakan oleh pihak pengurusan terhadap Audit Dalaman;
 - (vi) Melaporkan segala keputusan;
 - (vii) Mengesyorkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
 - (viii) Sentiasa mengesyor dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan serta pembetulan yang sesuai.
- (c) Bertanggungjawab terhadap penubuhan fungsi Audit Dalaman, termasuk:
 - (i) Meluluskan Piagam Audit Dalaman;
 - (ii) Meluluskan Rancangan Audit Dalaman;
 - (iii) Menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman dengan merujuk kepada pihak pengurusan;
 - (iv) Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalaman;

- (v) Pemberitahuan tentang peletakan jawatan kakitangan Audit Dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan untuk mengemukakan alasan peletakan jawatan;
 - (vi) Menyemak kecukupan skop, fungsi, dan sumber Jabatan Audit Dalaman;
 - (vii) Memastikan fungsi Audit Dalaman mendapat kedudukan yang sewajarnya dalam Syarikat ini;
 - (viii) Melaraskan matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalaman dengan matlamat keseluruhan Syarikat ini;
 - (ix) Meletakkan Audit Dalaman di bawah penguasaan dan penyeliaan Jawatankuasa ini; dan
 - (x) Menyemak kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai Syarikat ini kepada Juruaudit Dalaman.
- (d) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pelantikan Juruaudit Luar, fi audit, dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan dan penyingkiran Juruaudit Luar.
 - (e) Membincangkan perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, dan menyemak dengan Juruaudit Luar skop rancangan audit tahunan semasa mereka, penilaian ke atas akaun, dan sistem kawalan dalaman. Ini termasuk penemuan serta tindakan susulan yang dicadangkan.
 - (f) Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman tahun sebelumnya ataupun disebabkan oleh perkembangan baru.
 - (g) Menilai dan menyemak peranan Juruaudit Dalaman dan Luar dari semasa ke semasa.
 - (h) Menyemak sebarang urusan niaga pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan sengketa kepentingan yang ketara yang mungkin timbul dalam Syarikat ini.
 - (i) Menyemak sebarang urusan niaga yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan biasa Syarikat ini.
 - (j) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa.

3 . M E S Y U A R A T

Jawatankuasa ini telah mengadakan empat mesyuarat pada sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 yang turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Juruaudit Dalaman. Beberapa pegawai kanan Syarikat ini juga hadir pada mesyuarat tertentu. Kehadiran ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

| Ahli Jawatankuasa | Kehadiran |
|---|-----------|
| • Dato' Tan Teong Hean | 4/4 |
| • Encik Zarir Jal Cama | 3/4 |
| • YM Tunku Afwida Tunku A. Malek (dilantik pada 4 Januari 2005) | – |
| • Dato' Wan Ismail Abdul Rahman (bersara pada 5 Ogos 2004) | 2/2 |

Juruaudit Luar Syarikat ini telah menghadiri dua mesyuarat pada sepanjang tahun berkenaan untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 dan setengah tahun berakhir 30 Jun 2004. Dalam mesyuarat tersebut, Jawatankuasa ini berpeluang berbincang dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran pihak pengurusan.

4. RINGKASAN AKTIVITI

Pada sepanjang tahun kewangan 2004, Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasannya seperti yang telah ditetapkan dalam bidang rujukan. Aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- (a) Menyemak dan meluluskan Rancangan Audit Dalaman untuk tahun 2005;
- (b) Menyemak keputusan tatacara Audit Dalaman, iaitu penemuan audit dan cadangan yang diberikan oleh Juruaudit Dalaman serta ulasan pihak pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;
- (c) Memantau kemajuan Rancangan Audit Dalaman dan pelaksanaan cadangan audit untuk memastikan tindakan susulan yang sewajarnya telah atau sedang diambil terhadap cadangan tersebut;
- (d) Menyemak prestasi Ketua Juruaudit Dalaman;
- (e) Menyemak skop audit yang dijalankan oleh Juruaudit Luar;
- (f) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang pelantikan dan fi audit Juruaudit Luar;
- (g) Menyemak keputusan audit bagi setengah tahun dan akhir tahun oleh Juruaudit Luar serta membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian; dan
- (h) Menyemak penyata kewangan yang diaudit bagi setengah tahun dan akhir tahun, dan memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan oleh pihak yang berkenaan.

5. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Syarikat ini mempunyai sebuah Jabatan Audit Dalaman yang mantap yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa ini. Jabatan tersebut membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dalam memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan dikekalkan oleh Syarikat ini.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi audit dalaman Syarikat ini menurut Piagam Audit dan rancangan audit tahunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa ini.

Rancangan Audit tersebut telah dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistemik. Risiko-risiko Syarikat ini telah dikenal pasti, diberi keutamaan, dan dihubung kaitkan dengan proses dan lingkungan pengauditan utama. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan Jabatan Audit Dalaman memberi keutamaan kepada sumber audit dan lingkungan yang akan diaudit.

Pada keseluruhannya, audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan ini menitik beratkan penyemakan bebas ke atas kecukupan sistem kawalan dalaman Syarikat ini bagi memastikan sistem tersebut terus beroperasi dengan berkesan. Laporan audit dalaman dibentangkan untuk pertimbangan pihak Jawatankuasa ini dan untuk makluman Lembaga Pengarah.

penyata

kawalan dalaman

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan Syarikat ini mengekalkan suatu sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Syarikat ini serta mengkaji semula kecukupan dan keutuhan sistem tersebut. Sistem kawalan dalaman merangkumi, antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa sistem tersebut tidak dapat menghapuskan risiko kegagalan dalam usahanya untuk mencapai matlamat perniagaan tetapi bertujuan untuk mengurus dan mengawal risiko kepada tahap yang munasabah. Oleh itu, sistem berkenaan hanya dapat memberi jaminan yang sewajarnya dan bukannya jaminan mutlak terhadap kenyataan salah atau kerugian yang matan.

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan operasi and aktiviti Syarikat ini. Jawatankuasa ini dibantu oleh Unit Pengurusan Risiko yang bertanggungjawab untuk merangka, menyemak dan melaksanakan dasar, strategi dan tatacara pengurusan risiko yang mantap. Laporan terus dari Unit Pengurusan Risiko kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah membolehkan Unit berkenaan mengemukakan pandangan bebas tentang pendedahan Syarikat ini terhadap pelbagai risiko. Syarikat ini juga telah menyediakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang mentakrifkan punca-punca risiko perniagaan utama, menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan jawatankuasa-jawatankuasa utama dalam menguruskan bidang-bidang risiko yang khusus. Ia juga membentangkan pendekatan secara menyeluruh Syarikat ini dalam menguruskan risiko. Pada tahun kewangan ini, Syarikat ini telah melantik KPMG Business Advisory Sdn Bhd untuk membangunkan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Bersepadu dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit (termasuk merangka kad mata kredit). Penerangan lanjut tentang dasar dan amalan pengurusan risiko Syarikat ini dibentangkan pada muka surat 63 ke 65 dalam Laporan Tahunan ini.

Jabatan Audit Dalaman memberikan jaminannya kepada para Pengarah dengan mengendalikan pemeriksaan bebas ke atas kecukupan, keberkesanan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Syarikat ini. Ia mengamalkan pendekatan berdasarkan risiko, bersesuaian dengan pelan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah, yang bermesyuarat sebanyak empat kali dalam setahun. Pelan audit dan laporan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk memaklumkan mengenai sebarang kelemahan dalam sistem kawalan dalaman Syarikat ini. Apabila sesuatu kelemahan dikenal pasti, Syarikat ini akan melaksanakan tatacara baru untuk memperkukuhkan kawalan. Pada sepanjang tahun kewangan ini, tiada suatupun kelemahan yang dikenal pasti telah mengakibatkan sebarang kerugian yang matan, di luar jangkaan atau ketakpastian yang memerlukan pendedahan dalam Laporan Tahunan Syarikat ini.

Lain-lain ciri utama sistem kawalan dalaman Syarikat ini adalah:

- Bidang tanggungjawab dan penugasan kuasa yang jelas untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan Syarikat ini;
- Dasar dalaman dan manual tatacara seperti manual Dasar Pengurusan Perbendaharaan dan manual Dasar Risiko Pasaran yang didokumenkan dengan jelas. Kesemua manual ini dikaji semula sekurang-kurangnya sekali pada setiap enam bulan;
- Rancangan perniagaan tahunan dan belanjawan terperinci yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pada setiap bulan, Syarikat ini juga memantau keputusan sebenar dibandingkan dengan belanjawan, dan mengambil tindakan susulan sekiranya terdapat perbezaan yang ketara;
- Laporan berkala akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Laporan tersebut merangkumi kedudukan kewangan Syarikat ini, kedudukan pinjaman dan hutang yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urus niaga swap kadar faedah. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah, sekiranya perlu; dan
- Maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi disediakan untuk pihak pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

pengurusan risiko

Dalam tahun 2004, Cagamas telah meneruskan usahanya untuk mempertingkatkan amalan dan keupayaan pengurusan risikonya bagi menyokong permintaan perniagaan dan keadaan operasi yang sering berubah. Apabila Syarikat ini melibatkan diri dalam urusan janji pensekuritan di masa hadapan, usaha tersebut perlu diperhebatkan untuk memastikan bahawa risiko-risiko dikenal pasti, ditaksir, diurus dan dilaporkan mengikut masanya.

Selaras dengan tujuan pelaksanaan strategi pengurusan risiko secara menyeluruh, Syarikat ini telah melantik KPMG Business Advisory Sdn Bhd pada tahun 2004 untuk membangunkan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Bersepadu dan untuk mengendalikan tinjauan persekitaran mengenai pemerolehan data untuk membina kad mata kredit. Kajian semula pengurusan risiko telah dibuat untuk mengenal pasti dan menilai keupayaan dan kesediaan pengurusan risiko Cagamas yang sedia ada dalam memenuhi piawai minimum dan/atau amalan antarabangsa yang baik. Keutamaan diberikan kepada cadangan-cadangan penting dan inisiatif strategi sebagai panduan untuk Cagamas merangka rancangannya.

Syarikat ini juga telah memperkemas struktur organisasi risiko dan jawatankuasa pengurusan, dan telah mengkaji semula bidang rujukan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan dengan pengurusan risiko.

Syarikat ini juga telah mengendalikan beberapa sesi latihan tentang kesedaran pengurusan risiko untuk pihak Pengurusan Kanan dan kakitangan Cagamas bagi memupuk budaya kesedaran risiko korporat.

Cagamas akan memulakan Fasa 2 projek tersebut untuk mengkaji semula dan membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kredit, dan merangka kad mata kredit bagi membantu Syarikat ini dalam program pensekuritiannya.

STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan terdapatnya pengawasan yang sewajarnya ke atas pengurusan risiko dalam Syarikat ini. Lembaga Pengarah menetapkan selera terhadap risiko dan paras toleransi yang bersesuaian dengan keseluruhan objektif perniagaan dan profil risiko yang dikehendaki oleh Syarikat ini. Lembaga Pengarah juga sering menyemak dan meluluskan kesemua dasar pengurusan risiko dan pendedahan terhadap risiko yang ketara.

Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah untuk memastikan terdapatnya pengawasan dan pembangunan yang berkesan bagi strategi, dasar, tatacara dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Syarikat ini.

Pihak Pengurusan Kanan bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dengan memastikan terdapatnya tatacara operasi, kawalan dalaman dan sistem yang mencukupi dan berkesan untuk menaksir, mengukur, mengawal, mengawasi dan melaporkan risiko.

Pada bulan Disember 2004, Lembaga Pengarah telah meluluskan suatu struktur baru yang memperuntukkan seorang Ketua Pegawai Risiko melapor secara bebas kepada Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah. Beliau akan membantu Jawatankuasa tersebut dalam pembangunan strategi dan dasar serta memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem telah siap diatur untuk pengurusan risiko.

Unit Pengurusan Risiko bertanggungjawab untuk melaporkan secara bebas pendedahan risiko Syarikat ini dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. Unit Pengurusan Risiko ini bebas daripada jabatan dan unit lain yang terlibat dalam kegiatan pengambilan risiko. Lembaga Pengarah juga telah meluluskan Piagam Unit Pengurusan Risiko, yang menggariskan peranan Unit berkenaan.

RISIKO YANG DIHADAPI OLEH SYARIKAT INI

Operasi Syarikat ini boleh dibahagikan kepada perniagaan pembelian dengan rekursa dan pembelian tanpa rekursa.

PEMBELIAN DENGAN REKURSA

Untuk pembelian dengan rekursa, Syarikat ini berhadapan dengan risiko-risiko berikut:

- Risiko pasaran;
- Risiko kecairan;
- Risiko kredit; dan
- Risiko operasi.

RISIKO PASARAN

Risiko pasaran ialah risiko kerugian yang timbul daripada kedudukan dalam dan luar kunci kira-kira yang disebabkan oleh pergerakan bertentangan dalam tahap atau ketaktentuan kadar faedah atau harga pasaran. Ini merupakan risiko utama yang dihadapi oleh Syarikat ini dalam operasi pembelian dengan rekursa. Jenis-jenis risiko pasaran yang berkaitan dengan operasi Syarikat ini ialah risiko harga, risiko pendanaan tertangguh, risiko ketakpadanan pendanaan, risiko pelaburan semula, risiko asas, risiko penawaran berlebihan dan risiko keluk kadar hasil.

Untuk memudahkan pengawalan risiko-risiko tersebut, Syarikat ini kerap memantau dagangan bon dalam pasaran sekunder dan jangkaan pasaran semasa terhadap kadar faedah dan kadar hasil bon. Keupayaan Syarikat ini untuk menerbitkan sekuriti hutang dalam masa yang paling singkat juga mengurangkan pendedahan Syarikat ini terhadap risiko pendanaan tertangguh. Untuk meminimumkan kesan belian balik ke atas aliran tunai, Syarikat ini juga telah mewajibkan penggantian ke atas kesemua pinjaman dan hutang yang dibeli balik, kecuali pinjaman perumahan yang diberi pilihan penggantian.

Syarikat ini telah menyediakan Dasar Pengurusan Perbendaharaan untuk menjelaskan struktur dan fungsi Jabatan Perbendaharaan dan pengurusan risiko yang berkaitan dengan kegiatan perbendaharaan serta Dasar Risiko Pasaran, yang membentangkan antara lain, strategi dan dasar dalam pengurusan risiko pasaran.

Sistem Pengurusan Aset dan Liabiliti membolehkan Syarikat ini membuat simulasi dan menjalankan analisis jurang, margin, durasi dan kepekaan dengan menggunakan senario kadar dan binaan andaian ke atas jumlah portfolio Syarikat ini. Analisis durasi dijalankan sebelum bon baru diterbitkan bagi memastikan bahawa aset dan liabiliti Syarikat ini dipadankan sebaik mungkin mengikut had toleransi yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat ini menjalankan analisis kepekaan ke atas unjuran pendapatan faedah bersih untuk mengurus pendedahan Syarikat ini terhadap perubahan kadar faedah.

Sepanjang tahun ini, fungsi Pengurusan Asset dan Liabiliti telah diperkemas untuk membezakan peranan yang dimainkan oleh Unit Pengurusan Risiko dan Jabatan Perbendaharaan. Unit Pengurusan Risiko kini terutamanya terlibat sepenuhnya dalam penetapan dan pematuhan had manakala Jabatan Perbendaharaan bertanggungjawab dalam strategi pendanaan dan pelaburan.

Syarikat ini juga menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak hadapan kadar faedah dan swap kadar faedah untuk mengurus dan melindungi nilai pendedahannya terhadap turun naik kadar faedah pasaran. Syarikat ini tidak menjalankan sebarang kegiatan perbendaharaan yang tidak berkaitan dengan aliran tunainya atau yang bersifat spekulatif semata-mata.

RISIKO KECAIRAN

Risiko kecairan timbul apabila Syarikat ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyelesaikan liabilitinya apabila ia matang. Ini termasuk risiko kegagalan untuk meminjam dana apabila Syarikat ini memerlukannya atau dana tersebut tidak dapat diperolehi untuk tempoh yang dikehendaki atau pada kos yang berpatutan.

Syarikat ini mengurangkan risiko kecairannya dengan memadamkan masa pembelian pinjaman dan hutang dengan penerbitan sekuriti hutang. Syarikat ini mengekalkan sumber dana belum guna yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan dana tersebut digunakan bagi menjelaskan hutangnya. Pengawasan teliti dan perancangan aliran tunai serta keupayaan Syarikat ini untuk menerbitkan nota-nota bagi pendanaan jangka pendek juga membantu mengurangkan risiko kecairan Syarikat ini.

RISIKO KREDIT

Risiko kredit merupakan potensi ketaktentuan pendapatan yang disebabkan oleh kegagalan para pelanggan atau rakan niaga Syarikat ini dalam memenuhi kewajipan kewangannya pada masa yang telah ditetapkan. Oleh itu, Cagamas mungkin terpaksa menggantikan urus niaga tersebut dengan rakan niaga yang lain atau membuat pinjaman daripada pasaran wang antara bank.

Risiko kredit juga timbul daripada pelaburan yang dibuat oleh Syarikat ini. Perubahan dalam tanggapan pasaran tentang keteguhan kewangan serta kualiti kredit penerbit mungkin akan mengakibatkan pergerakan harga berlawanan terhadap pelaburan tersebut. Syarikat ini mungkin menghadapi kerugian kewangan apabila pelaburan tersebut terpaksa dijual sebelum ia matang.

Syarikat ini membeli pinjaman dan hutang dengan rekursa. Sebahagian besar daripada pembelian pinjaman dan hutang oleh Syarikat ini adalah daripada institusi kewangan yang berada di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia. Oleh itu, kebarangkalian institusi penjual mungkir dalam membuat pembayaran adalah minimum. Pinjaman dan hutang Syarikat ini juga diaudit pada setiap tahun untuk memastikan bahawa pinjaman dan hutang yang dibeli memenuhi kualiti yang dikehendaki oleh Cagamas.

Syarikat ini mengurangkan risiko kredit melalui dasar kredit dan had yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Terdapat juga garis panduan serta had yang ketat untuk pelaburan yang dibenarkan dan pelaburan tersebut dihadkan kepada sekuriti bermutu tinggi. Tujuan utama pelaburan ialah untuk menguruskan dana Syarikat ini dengan mengoptimalkan pulangan ke atas pelaburan, dalam kekangan keselamatan dan kecairan, untuk dipadankan dengan ukur rujuk yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Syarikat ini akan hanya menjual pelaburannya dalam keadaan tertentu sahaja serta dalam tempoh masa yang munasabah seperti yang dinyatakan dalam Dasar Pengurusan Perbendaharaan Syarikat.

RISIKO OPERASI

Risiko operasi ialah potensi pendedahan terhadap kerugian kewangan atau kerugian lain yang disebabkan oleh kekurangan atau kegagalan proses dalaman, tingkah laku manusia, sistem atau daripada peristiwa-peristiwa luaran. Ia juga termasuk risiko sumber tenaga manusia, perundangan dan reputasi.

Syarikat ini mengurangkan risiko operasinya dengan mengadakan kawalan dalaman, sistem dan tatacara yang menyeluruh yang dikaji semula dengan kerap dan tertakluk kepada kekerapan audit oleh Jabatan Audit Dalaman. Syarikat ini juga menyediakan Pelan Kesinambungan Perniagaan yang menyeluruh untuk meminimumkan kesan daripada potensi gangguan bencana dalaman dan luaran terhadap operasi Syarikat ini. Selain itu, Syarikat ini kerap menjalankan ujian ke atas sistem dan prosesnya yang kritikal.

Syarikat ini telah melaksanakan Sistem Pengurusan Perbendaharaan dan Sistem Pemprosesan Pinjaman untuk mempertingkatkan kecekapan, keupayaan pemprosesan dan pelaporan, dan untuk meminimumkan kebarangkalian berlakunya kesilapan yang disebabkan oleh proses manual. Sistem tersebut mempunyai binaan kawalan dalaman serta pengesahan yang akan membolehkan Syarikat ini mengekal dan mengawasi had, dan menerima amaran sekiranya berlaku pelanggaran had yang tertentu.

PEMBELIAN TANPA REKURSA

Pada tahun 2004, Syarikat ini telah menjalankan penssekuritan tranche pertama aset gadai janji pesara Kerajaan (Kumpulan Pinjaman Perumahan Pesara). Hak pemegang bon hanya dihadkan kepada aset tersebut dan mereka tidak mempunyai rekursa per se terhadap Cagamas MBS Berhad, anak syarikat milik penuh Cagamas. Walau bagaimanapun, Syarikat ini telah mengambil kira risiko-risiko yang timbul daripada penssekuritan ini dan langkah-langkah pencegahan yang diambil dalam menstruktur urus janji tersebut.

Sebagai Pentadbir Urus Niaga, Cagamas akan sering membuat penyesuaian ke atas jumlah terhutang dan jumlah berbayar oleh para pesara. Ia juga akan menyediakan laporan secara kerap mengenai Kumpulan Pinjaman Perumahan Pesara bagi membolehkan Kerajaan dan Cagamas mengawasi prestasi Kumpulan Pinjaman tersebut.



strong

We will continue to soar

to greater heights by

**leveraging on
our strong
fundamentals**

in our journey of growth and

long-term sustainability.

rong

Chairman's statement



On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Eighteenth Annual Report and the Financial Statements of Cagamas Berhad, the National Mortgage Corporation, for the financial year ended 31 December 2004.

The year 2004 has been an exciting and eventful year for Cagamas especially with the unprecedented inaugural issuance of the Residential Mortgage-Backed Securities (RMBS) in collaboration with the Government of Malaysia (the Government). This issuance has enhanced Cagamas' image, both domestically and abroad, as a recognised speciality financial services provider. With the recruitment of new skill sets working with existing staff and external professional advisers, valuable knowledge and skills have been assimilated by the Company as a whole. The Company aims to leverage on this knowledge to take on new opportunities to further consolidate and enhance performance over the medium term.

H I G H L I G H T S

Against a backdrop of continued excess liquidity in the banking system and a stable interest rate environment, financial institutions were generally less inclined to sell their loans and debts to Cagamas. To encourage and promote the sale of loans and debts, the Company offered attractive Cagamas quoted purchase rates (Cagamas rates) and intensified its marketing efforts to encourage the financial institutions to lock-in their positions at the low Cagamas rates. Consequently, the Company managed to purchase a total of RM7,166 million loans and debts for the year as against a historic high of RM11,112 million in 2003. Moreover, purchases of Islamic debts of RM1,600 million, represented the highest volume of Islamic debts purchased in any single year since the introduction of Islamic products by the Company in 1994.

As at 31 December 2004, Cagamas had purchased 12.6% of the total housing loans and 17.6% of the total hire purchase and leasing debts outstanding in the banking system. The relatively low percentages indicate that there is vast potential for Cagamas to grow further and in the process not only help the primary lenders with a liquidity and hedging mechanism but also add further depth and breadth to the already well-established private debt securities market.

Notwithstanding this, Cagamas continued to be an important player in the private debt securities market. As at 31 December 2004, total outstanding Cagamas debt securities amounted to RM26,752 million. This accounted for 14.9 % of the private debt securities market and 7.5% of the total bonds in the capital market.

The bonds and notes issued by Cagamas in 2004 continued to be assigned the highest ratings of AAA and P1 by Rating Agency Malaysia Berhad and AAA and MARC-1 by Malaysian Rating Corporation Berhad. These ratings reflect Management's adherence to prudent guidelines governing loan purchase operations and investments which translate into high quality assets of Cagamas.

FINANCIAL PERFORMANCE

Cagamas successfully undertook and completed its maiden securitisation deal for the Government in 2004. This deal involved the securitisation of RM1,936 million of the Government's staff housing loans and the issuance of RM1,555 million of RMBS through the incorporation of a special purpose entity, Cagamas MBS Berhad (CMBS), a wholly-owned subsidiary of the Company. The financial position of the Company for the first time includes that of the subsidiary and reflects a Group position.

At the Company level, the profit before tax for the financial year ended 31 December 2004 was RM183 million. Despite a marginal increase in the total loans and debts outstanding in the books of the Company at the end of 2004 as against 2003, the fine pricing policy adopted by the Company coupled with the maturity of higher yielding loans and debts resulted in a lower pre-tax profit at the Company level for 2004 compared with RM193 million in 2003.

Correspondingly, the after-tax return per share at Company level decreased from 92 sen in 2003 to 88 sen in 2004, providing a post-tax return of 11% on average shareholders' funds compared with 12% in the previous year. The shareholders' funds increased by 11% from RM1,136 million in 2003 to RM1,257 million in 2004, while the net tangible assets per share increased from RM7.57 at the end of 2003 to RM8.38 at the end of 2004.

At the Group level, the profit before tax for the financial year ended 31 December 2004 was RM279 million. The increase is due to the inclusion of the profit of CMBS. Likewise the Group's total assets of RM29,948 million as at the end of 2004 was attributed to the consolidation of the assets of CMBS arising from the securitisation of the Government's staff housing loans.

DIVIDEND

For the half-year ended 30 June 2004, the Board of Directors declared an interim dividend payment of 5 sen per share less income tax. In spite of the healthy financial position of the Company, the Board recommended a final payment of 10 sen per share less income tax taking into account the need for the Company to preserve its capital to support the generation of a higher volume of business and the securitisation of housing loans and other asset classes in 2005. The total dividend for the financial year ended 31 December 2004 amounted to 15 sen per share less income tax.

INITIATIVES IN 2004

When Cagamas commenced operations in October 1987, the Company purchased housing loans from the financial institutions on with recourse basis, a scheme designed to overcome market perception of risks and mispricing of bonds in the infant stage of development of the domestic bond market. In March 1999, in tandem with the thrust towards asset-backed securitisation, Cagamas launched a scheme to purchase housing loans on without recourse basis (securitisation). However, due to excess liquidity in the banking system and the high risk-weighted capital adequacy ratio of the banking system, there was no urgency for the financial institutions to sell their housing loans under the scheme.

The breakthrough for true securitisation came in April 2004 when the Government mandated Cagamas as the vehicle to undertake the securitisation of the Government's staff housing loans on a scheduled basis and over a period of time. The mandate is not limited to the existing portfolio but extends to all future Government's staff housing loans. This truly reflects the confidence of the Government in Cagamas' ability to structure the securitisation and obtain competitive pricing. The securitisation of the Government's staff housing loans represents a new strategic initiative to broaden the domestic bond market with a new asset class, whilst simultaneously creating a benchmark yield curve for longer term Asset-Backed Securities. The inaugural RMBS issue is expected to enhance secondary trading of Asset-Backed Securities. This is in line with the Government's effort in developing a vibrant and liquid bond market.

The first portfolio of Government's staff housing loans was securitised on 20 October 2004, involving RM1,936 million housing loans and the issuance of RM1,555 million in nominal value RMBS to local and foreign investors. This issue was overwhelmingly successful in that it attracted a total of RM11,100 million in book size from investors. The tremendous response also enabled the issue to be priced competitively at the lower end of the price guidance of 3.70% p.a., 4.30% p.a., 4.95% p.a. and 5.50% p.a. for the four tenures namely 3, 5, 7 and 10 years respectively. At these prices, the book size remained substantial at RM10,551 million giving an oversubscription of 5.6 times. The overwhelming success reflected the confidence of the market in a new asset class and showed that a well-structured instrument backed by quality assets would attract a wide pool of investors, both domestically and internationally. The issue was assigned the highest ratings of AAA by both Rating Agency Malaysia Berhad and Malaysian Rating Corporation Berhad. Further, the outstanding success of this landmark deal is evidenced by the recognition accorded by Asiamoney magazine as the 'Best Local Currency Deal of the Year for 2004' and by The Asset magazine, Hong Kong in the category 'Asset Triple A Regional Deals Awards for Best Local Currency Bond'.

Cagamas has long been at the forefront in promoting the Islamic banking and financial system in parallel to the conventional financial system. The Company pioneered the purchase of Islamic house financing debts and Islamic hire purchase debts, and the issuance of Sanadat Mudharabah Cagamas (SMC) to develop the Islamic bond market.

To grow its Islamic debt portfolio, Cagamas has refined the SMC features, undertaken investor awareness and conducted more intensive marketing. On 17 August 2004, Cagamas launched its inaugural issuance of Sanadat Cagamas amounting to a total nominal value of RM1,000 million. As more innovation in Islamic finance can be expected in Malaysia and in the Asian region, Cagamas will continue to undertake product development to meet the needs of local and international markets.

Since the inception of the Company, Cagamas debt securities were accorded regulatory incentives. However, with effect from 4 September 2004, Bank Negara Malaysia revised the regulatory treatment of Cagamas unsecured debt securities. This basically covers the reclassification of future issues from Class-1 to Class-2 liquefiable assets and the abolishment of the compulsory bidding by the Principal Dealers for these issues. The withdrawal of these incentives reflects Bank Negara Malaysia's recognition of Cagamas' maturity and confidence in its ability to continue to play a pivotal role in the development of the capital market in a competitive market driven environment, in line with the ongoing liberalisation and globalisation of the financial and capital markets. The strong confidence of the market in Cagamas is borne out by the very fine pricing obtained by Cagamas' new debt securities.

As part of this transformation phase and as a means to underwrite future growth and productivity, Cagamas has implemented the Information and Communication Technology Master Plan in 2002 to improve the Company's key systems and controls. In this regard, the Treasury Management System and the Loans Processing System, being two core systems, have been successfully completed and were fully operational in December 2004. With these systems in place, the Company will now be well-positioned to increase efficiency and deliver new products effectively to meet the challenging demands of its customers.

Apart from adequate support systems, risk management plays a critical role in ensuring asset quality, particularly the success of Cagamas' new ventures in securitisation and Islamic financing. Risk mitigation and transaction integrity minimise losses from poor quality assets which in turn facilitate competitive fine pricing. Hence, in line with Cagamas' plan to establish an enterprise-wide approach to managing risk, the Company engaged KPMG Business Advisory Sdn Bhd to draw up the Company's Integrated Risk Management Action Plan and to undertake an environmental study on the availability of data for the development of credit scorecards under Phase 1 of the project.

The Company will be embarking on Phase 2 of the consultancy which includes the development of a Credit Risk Management Framework and the development of credit scorecards to assist in the Company's securitisation programme.

This consultancy provides a training ground for Cagamas' staff to learn from the experts on how to better manage its credit risk and benchmark its risk management framework with best practices. To reinforce and inculcate a corporate risk awareness culture, training on risk awareness was organised for Cagamas' staff.

During the year, Cagamas brought in new expertise whilst retaining all of its experienced hands, especially the core Management Team. The fusion of additional knowledge and ideas with the existing experience within the Company has enhanced the overall level of expertise of the Company's human resource.

In line with the high expectations of stakeholders and customers, the Company continues to promote increased transparency and integrity in the conduct of all aspects of its business operations through increasing the standards of corporate governance. Towards this end, the Company adheres to a disclosure-based regime of maintaining high standards in financial reporting and providing detailed, relevant and reliable financial and other corporate information to enable its shareholders and investors to gauge the true and fair value of the Company and its potential. Recognition of this effort by Cagamas was reflected in winning the National Annual Corporate Reports Award (NACRA) for overall excellence in annual reporting under the category 'Best Annual Report of Non-listed Organisations' for 2003.

P R O S P E C T S

The road ahead for Cagamas will be more exciting and equally more challenging, with the structural changes that are taking place in the economy, financial sector and the capital market coupled with an irreversible globalisation trend. Despite the commendable achievements in 2004, these changes will bring new tests and opportunities for Cagamas. Liberalisation of the financial and capital markets and the growing sophistication among issuers and investors will require innovative approaches to securitisation. With the introduction of the Guidelines on the Offering of Asset-Backed Securities by the Securities Commission and the Prudential Standards on Asset-Backed Securitisation Transactions by Bank Negara Malaysia, Cagamas will face competition from financial institutions which may choose to securitise their asset portfolios on their own. Hence, in order to remain competitive, Cagamas will strive to develop innovative and more diverse financial products that accord flexibility not only to the sellers' distinct financing requirements but also to meet investors' demand in accordance with their risk-return preferences.

Furthermore, Cagamas is now at the crossroads of having to operate in a competitive level playing field whilst retaining its important social objective of encouraging home ownership. Its corporate mission is to provide financial products that would make housing loans more accessible and affordable to Malaysians, particularly the lower income group. It does this by borrowing money through issuing debt securities and using the funds to finance the purchase of housing loans from financial institutions, selected corporations and the Government. Through this process of intermediation in the financial and capital markets it provides liquidity at a reasonable cost to the primary lenders of housing loans thereby encouraging further financing of houses at an affordable cost. Besides housing loans, the Company's other products include industrial property loans, hire purchase and leasing debts (conventional and Islamic) and credit card receivables.

The challenge today is for Cagamas to intensify and upscale this intermediation role in the financial and capital markets through providing more innovative products at an even finer pricing than its competitors. The Company seeks to extend such specialised finance to other critical economic sectors, such as, the small and medium scale enterprises. The Company looks forward to this new phase and will continue to strive for excellence in providing accessibility to housing loans and other financial products at an affordable cost.

In considering new ventures or products, the Company has to always weigh the risks and returns to ensure that returns commensurate with the risks taken. In keeping with the high standards expected by the shareholders and customers, the Company will continue to maintain its good corporate governance practices and effectively link risk with reward to maximise shareholders' value and to sustain its performance. Cagamas will continue to strive for greater transparency and integrity in enhancing its corporate image whilst being innovative and ambitious at the same time.

Since Cagamas is now actively pursuing asset securitisation deals, including securitisation of new asset classes other than housing loans, the Board and Management recognise that investing in human capital is critical to create a workforce that is knowledgeable, skilled and competent to bring substantial long-term benefits for both the staff and the Company. In this regard, Cagamas will continue to recruit and retain skilled staff through an appropriate upgrade of its compensation policy to reflect market competitiveness. In addition, staff training and acquisition of new knowledge will also be intensified to ensure that the staff of the Company possess the necessary skill sets to conduct new and more complex businesses.

Going forward, the Company will seek to consolidate all aspects of its knowledge, processes, organisation, innovation and delivery skills to take on new challenges in an increasingly competitive market place. I am confident that the Cagamas team will succeed in this year's endeavour of 'Consolidation and Challenge'.

A C K N O W L E D G E M E N T

On behalf of the Board of Directors, I would like to take this opportunity to record my appreciation to our valued clients and shareholders for their continued support and commitment towards the Company's goals. The Board also wishes to extend its sincere appreciation to the regulatory authorities, in particular, the Ministry of Finance, the Securities Commission, Bank Negara Malaysia and the Companies Commission of Malaysia for their continuous and invaluable support and contributions.

On behalf of the Board, I am pleased to welcome Puan Yvonne Chia who joined the Board in May 2004, YM Tunku Afwida Tunku A. Malek in January 2005 and Encik Abdul Karim Md Lassim in February 2005. I would also like to record the Board's appreciation of the contributions made by Dato' Wan Ismail Abdul Rahman, Encik Md Agil Mohd Natt and Dr. Rozali Mohamed Ali who resigned from the Board in August, September and December 2004 respectively.

Last, but not least, I would like to thank the staff for their hard work in making 2004 yet another successful year for Cagamas.



Dato' Ooi Sang Kuang
Chairman

operations

PURCHASE ACTIVITIES

Purchase on with recourse continued to pose a challenge in the face of excess liquidity and low interest rates in the domestic financial system. Consequently, the financial institutions were reluctant to sell their housing loans and hire purchase and leasing (HP&L) debts (collectively known as loans and debts) to Cagamas. Nevertheless, through concerted efforts in marketing plus attractive Cagamas rates, the Company achieved total purchases of RM7,166 million of loans and debts in 2004 (excluding the securitisation of RM1,936 million of the Government's staff housing loans). This constitutes a decline of 35.5% as against RM11,112 million purchases in 2003. Total purchases comprised RM5,566 million of conventional loans and debts and RM1,600 million of Islamic debts.

During the first half of the year, against a background of excess liquidity and stable interest rate environment, the Company consciously reduced its Cagamas rates in tandem with the bond yield movements. This strategy resulted in an increase of 7.5% purchases amounting to RM3,565 million during the first half of 2004 as compared with RM3,315 million in the corresponding period of 2003. Increasing funding competitiveness with the availability of short term deposits at low rates coupled with the narrowing of spreads between the Cagamas rates and lending rates on hire purchase debts resulted in a slowdown of purchases during the second half of 2004. As a result, purchases of loans and debts in the second half of 2004 amounting to RM3,601 million were 53.8% lower than purchases amounting to RM7,797 million in the corresponding period of 2003.

As part of its efforts to promote Islamic products, the Company successfully launched its new Islamic funding method in July 2004, known as Sanadat Cagamas under the Islamic principle of Bai Bithaman Ajil where fixed returns are distributed to investors. Demand for Sanadat Cagamas was encouraging resulting in investors pricing the Sanadat Cagamas at only five basis points higher than Malaysian Government Securities. In 2004, the Company purchased an all-time high of RM1,600 million of Islamic debts comprising RM500 million of Islamic house financing (IHF) debts and RM1,100 million of Islamic hire purchase (IHP) debts as against purchases of Islamic debts of RM320 million in 2003.

Conventional loans and debts and Islamic debts purchased on with recourse amounted to RM5,566 million and RM1,600 million accounting for 77.7% and 22.3% respectively of the total purchases during the year. In 2004, the Company purchased RM124 million of loans and debts from one housing credit company and RM25 million of HP&L debts from one car dealer under the back to back arrangement. This facility enables non-approved sellers to secure low cost funds from Cagamas through intermediary financial institutions.

Despite a generous reduction of 75 to 90 basis points in Cagamas rates for medium term purchases of 4 to 6 years, more than half of the total purchases or 52.5% were contracted for tenures of 3 years where the Cagamas rates were comparatively competitive with short term funding rates in the banking system. A total of RM3,762 million purchases was contracted for 3 years.

TABLE I
Purchases of Loans and Debts

| | 2004 | | 2003 | |
|---------------------------------|--------------|-------------|---------------|-------------|
| | RM million | % | RM million | % |
| By Composition | | | | |
| • Housing Loans | 2,339 | 32.6 | 7,036 | 63.3 |
| - Conventional-Preferred | 549 | 7.6 | 983 | 8.8 |
| - Conventional-Standard | 1,290 | 18.0 | 5,933 | 53.4 |
| - Islamic | 500 | 7.0 | 120 | 1.1 |
| • Hire Purchase & Leasing Debts | 4,827 | 67.4 | 4,076 | 36.7 |
| - Conventional | 3,727 | 52.0 | 3,876 | 34.9 |
| - Islamic | 1,100 | 15.4 | 200 | 1.8 |
| • Industrial Property Loans | – | – | – | – |
| Total | 7,166 | 100 | 11,112 | 100 |
| By Sellers | | | | |
| • Commercial Banks | 2,151 | 30.0 | 6,738 | 60.6 |
| • Finance Companies | 4,952 | 69.1 | 4,159 | 37.4 |
| • Merchant Banks | 63 | 0.9 | 95 | 0.9 |
| • Corporations | – | – | 120 | 1.1 |
| Total | 7,166 | 100 | 11,112 | 100 |
| By Types | | | | |
| • On Fixed Rate Basis | 7,166 | 100 | 10,962 | 98.7 |
| • On Floating Rate Basis | – | – | 150 | 1.3 |
| • On Convertible Rate Basis | – | – | – | – |
| Total | 7,166 | 100 | 11,112 | 100 |

An analysis of Table I shows the following:

